

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Akta Parlimen	<i>Act of Parliament</i>	Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen dan disetujui oleh Presiden (<i>Lihat Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang dan Persetujuan Presiden</i>). <i>Perkara 58 dan 59 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Amanat Presiden	<i>President's Address</i>	Apabila Parlimen dibuka semula selepas pembubaran atau penamatan penggal, Presiden menyampaikan Amanatnya bagi pihak Pemerintah di Dewan. Amanat Presiden membentangkan hala tuju, dasar dan program yang diusulkan Pemerintah. Selepas Amanat disampaikan, satu usul diajukan untuk mengucapkan terima kasih kepada Presiden atas amanatnya. Sidang selama lima hari diperuntukkan bagi membahaskan usul ini. Perbahasan ini memberi peluang bagi para Anggota meninjau dan mendebatkan program dan dasar yang diusulkan Pemerintah, yang terkandung dalam Amanat tersebut. <i>(Lihat juga Ucapan Terima Kasih)</i> <i>Perkara 62 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 15.</i>
Anggaran Pembangunan	<i>Development Estimates</i>	<i>(Lihat Anggaran Perbelanjaan)</i>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

<p>Anggaran Perbelanjaan</p>	<p><i>Estimates of Expenditure</i></p>	<p>Anggaran perbelanjaan adalah jangkaan keperluan dana bagi menyediakan perkhidmatan awam pada tahun kewangan akan datang. Anggaran disiapkan oleh setiap kementerian, disemak oleh Menteri Kewangan dan Kabinet, lalu dikemukakan di Parlimen untuk dibahaskan dalam Jawatankuasa Perbekalan. Komponen utama anggaran perbelanjaan adalah anggaran utama dan anggaran pembangunan.</p> <p>Anggaran utama mengandungi perincian jumlah wang yang mahu dikeluarkan Pemerintah daripada Dana Disatukan bagi membiayai perkhidmatan awam pada tahun kewangan akan datang, misalnya gaji yang dibayar kepada pegawai perkhidmatan awam. Anggaran pembangunan adalah kenyataan jumlah wang yang mahu dikeluarkan Pemerintah daripada Dana Pembangunan bagi membiayai projek pembangunan awam, contohnya pembinaan jalan raya awam dan perumahan.</p> <p>Jika dalam satu tahun kewangan Pemerintah memerlukan tambahan jumlah wang, anggaran perbelanjaan tambahan boleh dikemukakan kepada Dewan. <i>(Lihat juga Belanjawan, Buku Belanjawan, Urusan Perbekalan, Jawatankuasa Perbekalan dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan)</i> <i>Perkara 147 Perlembagaan Republik Singapura, Akta Dana Pembangunan (Bab 80) dan Peraturan Tetap 90 dan 91.</i></p>
<p>Anggaran Tambahan</p>	<p><i>Supplementary Estimates</i></p>	<p>Jika Pemerintah memerlukan perbelanjaan yang tidak termasuk dalam Belanjawan, kelulusan Parlimen harus dipinta bagi mendapatkan dana tambahan. Keperluan dana itu dirumuskan dan dikemukakan oleh Pemerintah kepada Parlimen sebagai anggaran perbelanjaan tambahan.</p> <p>Anggaran tambahan serupa bentuknya dengan anggaran utama, iaitu memberikan perincian jumlah dan tujuan tambahan dana yang diperlukan. Setelah dipertimbangkan oleh Parlimen, anggaran tambahan diluluskan dalam bentuk Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan atau Rang Undang-Undang Perbekalan Akhir. <i>(Lihat juga Belanjawan dan Anggaran Perbelanjaan)</i> <i>Perkara 148 Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>
<p>Anggaran Utama</p>	<p><i>Main Estimates</i></p>	<p><i>(Lihat Anggaran Perbelanjaan)</i></p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Anggota Barisan Belakang	<i>Back Bencher</i>	Anggota Parlimen yang tidak memegang jawatan Menteri, Menteri Negara atau Setiausaha Parlimen. Istilah ini berasal daripada Dewan Rakyat UK, yang menempatkan Anggota sedemikian di barisan belakang Dewan. Anggota Barisan Belakang juga dikenali sebagai Anggota persendirian. (Lihat juga <i>Anggota Barisan Depan</i>)
Anggota Parlimen (Anggota)	<i>Member of Parliament (Member)</i>	Anggota Parlimen yang dipilih mewakili sesuatu kawasan undi dan memperoleh kerusi Parlimen dengan memenangi pilihan raya umum atau pilihan raya kecil bagi kawasan undi berkenaan. Perlembagaan juga memperuntukkan Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi dan Anggota Parlimen Terlantik di Parlimen. Anggota Barisan Belakang boleh meneruskan kerjaya atau menjalankan perniagaan masing-masing sambil berkhidmat sepanjang tempoh jawatannya. (Lihat juga <i>Anggota Parlimen Terlantik, Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi dan Tempoh Jawatan</i>)
Anggota Parlimen Pemerintah	<i>Government Member</i>	Anggota Parlimen dari parti atau campuran parti politik yang memerintah. (Lihat juga <i>Pembangkang</i>)
Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi	<i>Non-Constituency Member of Parliament (NCMP)</i>	Seorang calon pembangkang (dengan tidak kurang daripada 15% jumlah undi di kawasan undinya sendiri) yang memperoleh peratusan undi tertinggi di kalangan calon yang kalah dalam pilihan raya boleh diisytiharkan sebagai Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi. Skim NCMP memastikan adanya bilangan minimum Anggota pembangkang di Parlimen. ¹⁶ Jika kurang daripada tiga calon pembangkang memenangi kerusi dalam pilihan raya umum, calon pembangkang “paling berjaya di kalangan calon yang gagal” akan diisytiharkan terpilih sebagai NCMP, supaya jumlah Anggota pembangkang menjadi tiga orang. Jika pembangkang memenangi tiga atau lebih kerusi Parlimen, tiada NCMP akan diisytiharkan. NCMP menduduki kerusinya bagi seluruh tempoh Parlimen. Seperti yang dimaksudkan dengan nama jawatannya, Anggota ini tidak mewakili sebarang kawasan undi. Beliau berhak mengundi atas semua perkara kecuali Rang Undang-Undang Perbekalan, Rang Undang-Undang Wang, pindaan Perlembagaan, usul tidak yakin terhadap Pemerintah dan usul untuk menyingkirkan Presiden daripada jawatannya. (Lihat juga <i>Anggota Parlimen dan Anggota Parlimen Terlantik</i>) <i>Perkara 39 Perlembagaan Republik Singapura dan Seksyen 52 Akta Pilihan Raya Parlimen (Bab 218).</i>

¹⁶ Pada 1984, Perlembagaan dipinda untuk memperkenalkan Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi di Parlimen.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

<p>Anggota Parlimen Terlantik</p>	<p><i>Nominated Member of Parliament (NMP)</i></p>	<p>Anggota tidak dipilih yang dilantik oleh Presiden demi membuka perwakilan lebih luas bagi pandangan yang bebas dan tidak berpihak di Parlimen¹⁵. Dalam masa enam bulan setelah sidang pertama menyusuli pilihan raya umum, Dewan boleh memutuskan melalui satu ketetapan sama ada hendak mempunyai Anggota Parlimen Terlantik dalam tempoh Parlimen itu. Jawatankuasa Pilihan Khas yang dipengerusikan oleh Speaker akan memilih calon-calon yang sesuai daripada senarai mereka yang disarankan orang ramai atas undangan Jawatankuasa. Calon NMP adalah mereka yang pernah memberikan khidmat cemerlang kepada umum, ataupun cemerlang dalam pelbagai bidang seperti seni dan budaya, perniagaan, pergerakan buruh dan perkhidmatan masyarakat. Presiden boleh melantik sehingga sembilan orang Anggota Parlimen yang dicalonkan oleh Jawatankuasa.</p> <p>NMP berkhidmat untuk tempoh yang tetap selama dua tahun setengah. Seperti Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi, NMP tidak mewakili mana-mana kawasan undi dan boleh mengundi atas semua perkara kecuali Rang Undang-Undang Perbekalan, Rang Undang-Undang Wang, pindaan Perlembagaan, usul tidak yakin terhadap Pemerintah dan usul untuk menyingkirkan Presiden daripada jawatannya.</p> <p><i>(Lihat juga Anggota Parlimen dan Anggota Parlimen tanpa Kawasan Undi) Perkara 39 dan Jadual Keempat Perlembagaan Republik Singapura.</i></p> <p>¹⁵ Perlembagaan dipinda pada 1989 untuk membuat peruntukan bagi Anggota Parlimen Terlantik. Kumpulan Anggota Parlimen Terlantik yang pertama dilantik pada 1990.</p>
<p>Anggota yang Bertanggungjawab</p>	<p><i>Member in Charge</i></p>	<p>Anggota yang bertanggungjawab bagi sesuatu perkara yang dipertimbangkan oleh Dewan, misalnya usul atau Rang Undang-Undang. Beliau mengajukan usul dan menyampaikan ucapan pembukaan bagi memulakan perbincangan dan memberi jawapan bagi menggulung perbincangan. Lazimnya, jika Rang Undang-Undang Pemerintah, beliau adalah Menteri yang memegang portfolio berkenaan.</p>
<p>Aye</p>	<p><i>Aye</i></p>	<p>Perkataan Inggeris kuno yang digunakan untuk mengundi “ya” dalam Parlimen.</p>
<p>Bacaan Kedua</p>	<p><i>Second Reading</i></p>	<p><i>(Lihat Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i></p>
<p>Bacaan Ketiga</p>	<p><i>Third Reading</i></p>	<p><i>(Lihat Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i></p>
<p>Bacaan Pertama</p>	<p><i>First Reading</i></p>	<p><i>(Lihat Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i></p>
<p>Bacaan Rang Undang-Undang</p>	<p><i>Readings of a Bill</i></p>	<p><i>(Lihat Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i></p>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Bahasa Perbahasan	<i>Language of Debates</i>	<p>Semasa perbahasan, Anggota boleh berucap dalam Bahasa Inggeris, Mandarin, Melayu atau Tamil.⁹ Anggota yang berucap boleh menggunakan salah satu atau kesemua empat bahasa rasmi dalam ucapannya.¹⁰ Demi membolehkan semua Anggota dapat memahami setiap ucapan, interpretasi serentak disediakan.</p> <p><i>(Lihat juga Interpretasi Serentak)</i></p> <p><i>Perkara 53 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 47, 48 dan 49.</i></p> <p>⁹ Peraturan ini bermula sejak Februari 1956, apabila Dewan Undangan Tanah Jajahan Singapura pada masa itu membuat ketetapan bahawa perbahasannya boleh berlangsung dalam salah satu daripada empat bahasa tersebut.</p> <p>¹⁰ Dewan telah membuat ketetapan bahawa mulai 22 Januari 2007 sehingga akhir Sesi Parliamen Ke-Sebelas, Anggota boleh menggunakan salah satu atau kesemua empat bahasa rasmi dalam satu ucapan semasa perbahasan di Dewan.</p>
Bahasa yang Tidak Sesuai Di Parlimen	<i>Unparliamentary Language</i>	<p>Kata-kata atau ungkapan yang kesat dan menghina, yang tidak harus digunakan semasa sidang Parlimen. Anggota yang didapati menggunakannya akan diminta oleh Pengerusi supaya menarik balik kata-kata atau ungkapan tersebut dengan serta merta. Jika tidak ditarik balik, dia mungkin melanggar hak istimewa parlimen.²⁹</p> <p><i>Peraturan Tetap 50.</i></p> <p>²⁹ Contoh-contoh ungkapan yang kurang sesuai di Parlimen adalah kata “biadab”, “cabul”, dan “lepas mulut”</p>
Balai Orang Awam	<i>Public Gallery</i>	<i>(Lihat Balai Orang Luar)</i>
Balai Orang Luar	<i>Strangers' Gallery</i>	Para pelawat ditempatkan di Balai Orang Luar untuk mengikuti sidang Parlimen. Mereka harus senyap dan sopan semasa berada di dalam Dewan dan berpakaian yang sesuai.
Balai Pemberita	<i>Press Gallery</i>	Wartawan media, yang tergolong dalam takrif umum “orang luar”, turut dibenarkan masuk untuk menyaksikan dan melaporkan sidang Parlimen. Mereka ditempatkan di bahagian Dewan yang dikenali sebagai Balai Pemberita.
Barisan Depan	<i>Front Bench</i>	Barisan hadapan yang paling dekat dengan Meja Dewan, di kedua-dua belah Dewan. Di pihak Pemerintah (belah kanan Speaker) barisan ini diduduki para Menteri; di pihak yang satu lagi barisan ini diduduki anggota barisan belakang atau kabinet bayangan, jika ada.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Belanjawan	<i>Budget</i>	<p>Belanjawan adalah usul yang dibentangkan di Parlimen setiap tahun oleh Pemerintah, menunjukkan jumlah wang yang dijangka akan diterima dan bagaimana Pemerintah bercadang untuk mengumpulkan dan membelanjakan jumlah tersebut. Biasanya belanjawan dipertimbangkan pada bulan Februari dan Mac setiap tahun.</p> <p>Proses Belanjawan di Parlimen bermula dengan Kenyataan Belanjawan tahunan yang di sampaikan oleh Menteri Kewangan, melakarkan dasar kewangan Pemerintah bagi tahun kewangan berikutnya dan langkah-langkah fiskal yang akan dilaksanakan. Parlimen membahaskan Dasar ini biasanya selama dua hari. <i>(Lihat Kenyataan Belanjawan)</i></p> <p>Seterusnya, Dewan bersidang dalam Jawatankuasa <i>(Lihat Jawatankuasa Perbekalan)</i> untuk membahaskan anggaran perbelanjaan yang terkandung dalam Buku Belanjawan <i>(Lihat Buku Belanjawan)</i> dan meluluskan peruntukan dana untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan awam bagi tahun kewangan berikutnya. Perbahasan ini biasanya berlangsung selama tujuh hari atau lebih.</p> <p>Selepas perbahasan tentang anggaran perbelanjaan, Rang Undang-Undang Perbekalan <i>(Lihat Rang Undang-Undang Perbekalan)</i> dipertimbangkan. Rang ini memberi kebenaran supaya dana yang telah diluluskan oleh Parlimen itu dikeluarkan daripada Dana Disatukan dan Dana Pembangunan. <i>Peraturan Tetap 89 – 93.</i></p>
Bentara	<i>Serjeant-at-Arms</i>	<p>Bentara bertanggungjawab menjaga ketenteraman di kawasan Parlimen. Beliau bertindak atas arahan Speaker dan boleh menyingkirkan sesiapa jua dari Dewan, jika diperintahkan.</p> <p>Bentara juga adalah penjaga Cokmar dan menjalankan tugas istiadat sebagai pembawa Cokmar semasa perarakan Speaker masuk dan keluar Dewan. <i>(Lihat juga Cokmar)</i> <i>Peraturan Tetap 58.</i></p>
Berhak Berucap	<i>Having the Floor</i>	Ungkapan ini membawa maksud diberi hak untuk berucap dalam Dewan.
Berlengah-lengah	<i>Filibustering</i>	Sengaja menyampaikan ucapan yang berjela-jela atau menggunakan taktik lain semata-mata untuk melengah-lengahkan perjalanan mesyuarat.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Berucap di Parlimen	<i>Speaking in Parliament</i>	Ucapan di Parlimen harus sentiasa ditujukan kepada Pengerusi dan disampaikan dari mimbar yang disediakan di Meja Dewan atau di antara barisan tempat duduk. Anggota tidak boleh bercakap kecuali setelah dipanggil oleh Speaker atau Pengerusi. Anggota hanya dibenarkan berucap dari tempat duduk masing-masing apabila menimbulkan soal penjelasan, soalan atau soalan tambahan pada Masa Soalan. Anggota boleh bercakap dalam salah satu atau kesemua empat bahasa rasmi sepanjang ucapannya. (Lihat juga <i>Interpretasi Serentak dan Hak Menjawab</i>) <i>Peraturan Tetap 48.</i>
Buku Belanjawan	<i>Budget Book</i>	Di bawah Perlembagaan, Menteri Kewangan harus membentangkan, sebelum akhir setiap tahun kewangan, anggaran hasil mahsul dan perbelanjaan Pemerintah yang harus ditanggung dengan Dana Disatukan dan Dana Pembangunan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan awam pada tahun kewangan berikutnya. Dokumen yang mengandungi anggaran itu dikenali sebagai Buku Belanjawan.
Buku Biru	<i>Blue Book</i>	Nama yang sering digunakan bagi laporan rasmi, perangkaan, penerbitan Pemerintah atau Parlimen yang diterbitkan dengan kulit biru, misalnya laporan Jawatankuasa Pilihan Parlimen. (Lihat juga <i>Kertas Hijau, Kertas Putih dan Kertas Parlimen</i>)
Buku Susunan Mesyuarat	<i>Order Book</i>	Buku yang menyenaraikan semua urusan Dewan yang akan datang. Kandungannya termasuk setiap Urusan Mesyuarat, pemberitahuan soalan, usul dan Rang Undang-Undang yang akan dibentangkan; dan kertas-kertas yang dikemukakan kepada Parlimen. Buku Susunan Mesyuarat disediakan untuk Anggota. <i>Peraturan Tetap 9.</i>
Celaan	<i>Reprimand</i>	Celaan bererti pernyataan rasmi rasa tidak senang hati Speaker, ditujukan kepada Anggota atau orang luar yang melanggar peraturan tata tertib. Anggota boleh dicela sama ada di tempat duduknya atau di Palang Dewan, manakala orang luar hanya dicela di Palang Dewan. (Lihat juga <i>Cemuhan dan Orang Luar</i>) <i>Seksyen 20, Akta Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa) (Bab 217)</i>
Cemuhan	<i>Admonition</i>	Celaan ringan terhadap Anggota atau orang luar yang melanggar peraturan Dewan. (Lihat juga <i>Celaan dan Orang Luar</i>)

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Cokmar	<i>Mace</i>	<p>Belantan hiasan yang melambangkan kuasa Parlimen dan Speaker.¹² Selepas pemilihan Speaker, cokmar dibaringkan di atas Meja Dewan pada pendakap atas. Cokmar tetap berada pada pendakap atas sepanjang masa Speaker duduk di Kerusi dan dialihkan ke pendakap bawah di Meja Dewan apabila Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Semasa perarakan istiadat Speaker, Bentara mengusungnya di bahu kanan sambil mendahului Tuan Speaker masuk dan meninggalkan Dewan. Kecuali apabila Presiden sedang berucap di Parlimen, Dewan tidak boleh duduk bersidang dan sidang tidak boleh berlangsung tanpa cokmar.¹³</p> <p>¹² Penggunaan cokmar diwarisi daripada Dewan Rakyat UK. Dulu cokmar pernah digunakan sebagai senjata Bentara Dewan Rakyat UK.</p> <p>¹³ Pada 10 September 1959, Speaker Oehlers mempelawa Anggota “supaya menerima Cokmar sebagai bahagian penting daripada kelengkapan Dewan, dan pada masa akan datang, Dewan tidak boleh dianggap duduk bersidang dengan sewajarnya kecuali Cokmar lebih dahulu dibawa ke dalam Dewan dan di letakkan di atas Meja Dewan”.</p>
Dana Disatukan	<i>Consolidated Fund</i>	<p>Dana Disatukan serupa dengan akaun bank yang dipegang oleh Pemerintah. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang, hasil mahsul negara Singapura dimasukkan ke dalam dana ini dan Pemerintah menggunakannya untuk perbelanjaan.</p> <p><i>Perkara 145 dan 146 Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>
Dana Luar Jangka	<i>Contingencies Fund</i>	<p>Dana ini diwujudkan untuk menampung apa-apa keperluan dana yang segera dan tidak dijangkakan oleh Pemerintah, yang tidak diperuntukkan atau tidak secukupnya diperuntukkan dalam Akta Perbekalan dalam tahun kewangan berkenaan.</p> <p><i>Perkara 148C Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>
“Dengar, dengar”	<i>“Hear, hear”</i>	<p>Ungkapan tradisional parlimen bagi memuji-muji sesuatu ucapan. Ungkapan ini adalah kependekan daripada “<i>Hear him, hear him</i>” (Dengar, dengar apa katanya). Pujian juga boleh dinyatakan oleh para Anggota dengan bertepuk tangan atau menepuk-nepuk bahagian tepi tempat duduk mereka.</p>
Dewan	<i>House</i>	<p>Dewan bererti Parlimen sebagai badan para wakil rakyat yang diberi kuasa perundangan. Dewan juga merujuk kepada Bangunan Parlimen. Istilah ini digunakan bagi semua rujukan kepada Parlimen dalam usul dan kenyataan di Dewan, misalnya, “Bahawa Dewan ditangguhkan sekarang”. Pengertiannya tidak sama dengan istilah <i>Chamber</i> (Kamar) yang merujuk kepada ruang fizikal tempat Parlimen menjalankan urusannya.</p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Dewan Rakyat (UK)	<i>House of Commons (UK)</i>	Dewan rendah Parlimen Britain. Parlimen Britain merupakan parlimen dua dewan, ertinya terdiri daripada dewan rendah dan dewan tinggi. Dewan tinggi dinamakan <i>House of Lords</i> (Dewan Pertuanan). Kebanyakan tradisi dan amalan Parlimen Singapura berasal daripada Dewan Rakyat. <i>House of Commons</i> juga mempengaruhi pembangunan sistem parlimen di banyak negara Komanwel.
“enam bulan dari hari ini”	<i>“on this day six months”</i>	Frasa yang digunakan untuk meminda usul “Bahawa Rang Undang-Undang dibacakan kali kedua sekarang.” Pindaan dibuat dengan memotong kata “sekarang” dan menggantikannya dengan frasa “enam bulan dari hari ini” di akhir usul. Jika Parlimen bersetuju dengan pindaan tersebut, Bacaan Kedua Rang Undang-Undang dianggap ditolak. (Lihat juga Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang) Peraturan Tetap 70(3).
Fasal	<i>Clause</i>	Setiap perenggan bernombor dalam Rang Undang-Undang dirujuk sebagai fasal.
Gangguan	<i>Interruption</i>	Menurut peraturan perbahasan, apabila seorang Anggota telah diberi hak untuk berucap, Anggota lain tidak dibenarkan mengganggu. Bagaimanapun, Anggota boleh bangkit untuk menarik perhatian Pengerusi kepada sesuatu perkara peraturan mesyuarat atau menimbulkan soal penjelasan. Dalam hal penjelasan, Speaker atau Pengerusi akan membiarkan Anggota yang sedang berucap untuk memutuskan sama ada hendak “beralah” atau tidak. Gangguan dibenarkan hanya supaya perkara itu dapat dinyatakan. Peraturan Tetap 51.
Gilotin	<i>Guillotine</i>	Perintah yang dibuat oleh Speaker atau Dewan bagi menetapkan masa yang dibenarkan bagi perbahasan tentang sesuatu perkara. “Waktu Gilotin” menjadi faktor utama dalam perbahasan Jawatankuasa Perbekalan, kerana Gilotin dikuatkuasakan dengan tegas agar Dewan dapat menyelesaikan perbahasan tentang anggaran perbelanjaan dalam masa yang ditetapkan. Peraturan Tetap 92.
Hak Istimewa	<i>Privilege</i>	(Lihat Hak Istimewa Parlimen)

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Hak Istimewa Parlimen	<i>Parliamentary Privilege</i>	Kata-kata yang diucapkan di sepanjang sidang Parlimen mempunyai hak istimewa, yang bererti kebal daripada tindakan mahkamah. Dengan adanya hak istimewa, Anggota boleh bercakap secara terbuka dan terus terang tanpa bimbang padahnya di sisi undang-undang. Jika hak istimewa dilanggar, Anggota boleh ditegur, didenda, digantung keanggotaannya atau dipenjarakan, mengikut saranan Jawatankuasa Hak Istimewa. Dewan juga berkuasa untuk menggantung hak istimewa dan kekebalan yang melindungi Anggota daripada liabiliti terhadap tindakan sivil. <i>Akta Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa) (Bab 217).</i>
Hak Membangkitkan Perkara Atas Usul Bagi Penangguhan Mesyuarat	<i>Right to Raise a Matter on a Motion for Adjournment</i>	Di akhir setiap sidang Parlimen, usul akan diajukan bagi menangguhkan sidang itu. Ketika itu, seorang Anggota boleh menuntut hak untuk membangkitkan apa-apa perkara yang menjadi tanggung jawab Pemerintah. Anggota tersebut harus memberikan pemberitahuan sekurang-kurangnya tiga hari jelas tentang perkara yang ingin dibangkitkan. Hak ini diberikan kepada seorang Anggota sahaja bagi setiap sidang dan, jika perlu, melalui undian. Anggota dibenarkan berucap sehingga 20 minit tentang perkara yang hendak ditimbulkannya. Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara itu diberi masa sehingga 10 minit untuk menjawab. Di akhir masa yang diperuntukkan bagi perbahasan itu, Speaker menangguhkan sidang Parlimen tanpa mengemukakan soalan lagi. <i>(Lihat juga Penangguhan Sidang Parlimen, Usul Bagi Penangguhan) Peraturan Tetap 2(8)(b).</i>
Hak Menjawab	<i>Right of Reply</i>	Hanya pengusul bagi usul yang asal mempunyai hak menjawab. Semua Anggota lain boleh berucap sekali sahaja tentang sesuatu soalan di Parlimen, kecuali apabila menimbulkan perkara peraturan atau penjelasan. Hak menjawab diberikan apabila semua Anggota lain selesai berucap. Setelah jawapan diberikan, Speaker akan mengemukakan soalan tentang kandungan usul supaya pengundian dapat dijalankan. <i>(Lihat juga Usul, Soalan dan Mengemukakan Soalan) Peraturan Tetap 48 dan 51</i>
Hansard	<i>Hansard</i>	Istilah khas Parlimen bagi laporan rasmi yang merekodkan prosiding sidang Parlimen. ⁸ Di Singapura, Hansard dikenali sebagai Laporan Parlimen Singapura. <i>(Lihat juga Pelapor Parlimen)</i> ⁸ Nama ini berasal daripada keluarga Hansard, pemilik syarikat yang mula-mula mencetak laporan rasmi Dewan Rakyat UK.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Hari Jelas	<i>Clear Days</i>	Apabila “hari jelas” ditetapkan untuk sesuatu pemberitahuan, perkiraan “hari jelas” itu tidak termasuk beberapa hari tertentu. Hari yang dikecualikan adalah hari pemberitahuan diserahkan, hari sidang yang berkenaan, serta hari Ahad atau hari cuti umum di antara keduanya. (<i>Lihat juga Pemberitahuan</i>)
Hari Yang Diperuntukkan	<i>Allotted Day</i>	Satu hari yang diperuntukkan bagi membahaskan urusan tertentu di bawah Peraturan Tetap. Pada hari yang diperuntukkan, urusan itu menjadi perkara pertama dan jangka masa minimum disediakan bagi membahaskannya. Perbahasan itu hanya boleh diganggu atau ditunda jika ada aduan atau usul yang menjejaskan kuasa dan hak istimewa Parlimen. Di bawah Peraturan Tetap, bilangan hari tertentu diperuntukkan untuk perbahasan tentang Amanat Presiden, Kenyataan Belanjawan Tahunan dan urusan Perbekalan.
Hilang Kelayakan	<i>Disqualification</i>	(<i>Lihat Tempoh Jawatan</i>)
Interpretasi Serentak	<i>Simultaneous Interpretation</i>	Anggota boleh berucap dalam mana-mana bahasa rasmi yang empat, iaitu Inggeris, Melayu, Mandarin atau Tamil. Interpretasi serentak disediakan di Dewan dalam kesemua bahasa rasmi. ²⁵ <i>Perkara 53 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 49.</i> ²⁵ Sistem ini bermula dalam Dewan Undangan dahulu, dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan pada Disember 1956 untuk mengkaji penyediaan khidmat interpretasi serentak dalam Dewan. Seorang pakar dilantik untuk melatih dan memilih kumpulan jurubahasa tetap yang pertama. Interpretasi serentak dalam empat bahasa rasmi disediakan buat pertama kalinya semasa Pembukaan Sidang Dewan Undangan yang Pertama bagi Singapura di bawah pemerintahan sendiri, iaitu pada 1 Julai 1959.
Istirahat	<i>Recess</i>	Istirahat bererti tempoh antara penamatan satu penggal / sesi Parlimen dengan Pembukaan penggal baru dalam Parlimen yang sama (<i>lihat Pembukaan Sidang Parlimen</i>). Tempoh antara pembubaran Parlimen dengan sidang pertama Parlimen yang baru tidak disebut istirahat. Istirahat juga sering digunakan untuk merujuk kepada tempoh antara penangguhan sidang dengan sidang yang berikut. (<i>Lihat juga Penangguhan Sidang Parlimen dan Penamatan Penggal Parlimen</i>)
Jawatankuasa Akaun Negara	<i>Public Accounts Committee</i>	Jawatankuasa Pilihan Tetap yang memeriksa pelbagai akaun Pemerintah yang menunjukkan pengasingan dana yang diluluskan oleh Parlimen bagi menampung perbelanjaan negara, serta akaun lain yang dikemukakan kepada Parlimen bersama Penyata Juruaudit Negara. Jawatankuasa ini dibantu oleh Juruaudit Negara dan berkuasa memanggil saksi dan meminta dikeluarkan dokumen dan rekod. (<i>Lihat juga Jawatankuasa Pilihan</i>) <i>Peraturan Tetap 100(2).</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Jawatankuasa Anggaran	<i>Estimates Committee</i>	Jawatankuasa Pilihan Tetap yang mengawasi perbelanjaan Pemerintah. Tugasnya ialah memeriksa anggaran perbelanjaan, antara lain, dan melaporkan kepada Parlimen tentang penjimatan yang boleh dibuat sejajar dengan dasar yang tersirat dalam anggaran, serta mencadangkan bagaimana bentuk anggaran perbelanjaan yang patut dikemukakan kepada Parlimen setiap tahun. (Lihat juga <i>Buku Belanjawan dan Anggaran Perbelanjaan</i>) <i>Peraturan Tetap 100(3)</i> .
Jawatankuasa Ehwal Dewan	<i>House Committee</i>	Jawatankuasa Pilihan Tetap yang mempertimbangkan segala hal yang berkaitan dengan keselesaan dan kesenangan para Anggota Parlimen. <i>Peraturan Tetap 100 (5)</i> .
Jawatankuasa Hak Istimewa	<i>Committee of Privileges</i>	Jawatankuasa Pilihan Tetap yang dilantik oleh Parlimen pada permulaan setiap sesi untuk menyiasat aduan pencabulan hak istimewa Parlimen. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Speaker. Apabila aduan dirujuk kepada Parlimen, Jawatankuasa ini akan bersidang, menyoal para saksi dan membuat saranan kepada Parlimen dalam satu laporan. Hak istimewa Parlimen dan Anggotanya, jenis-jenis kesalahan terhadap hak istimewa itu dan hukuman yang boleh dikenakan terkandung dalam Akta Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa) (Bab 217). (Lihat juga <i>Jawatankuasa Pilihan</i>) <i>Peraturan Tetap 100(7)</i> .
Jawatankuasa Parlimen Pemerintah	<i>Government Parliamentary Committee (GPC)</i>	Jawatankuasa Parlimen Pemerintah ditubuhkan oleh parti pemerintah untuk meneliti perundangan dan program setiap kementerian. ⁶ Setiap jawatankuasa diberikan portfolio yang sejajar dengan satu portfolio Menteri atau lebih. Contohnya, Jawatankuasa Parlimen Pemerintah bagi Pertahanan dan Ehwal Luar. Jawatankuasa Parlimen Pemerintah terdiri daripada anggota parti Pemerintah sahaja.
Jawatankuasa Pemilih	<i>Committee of Selection</i>	Jawatankuasa Pilihan Tetap, dipengerusikan oleh Speaker, yang mencalonkan Anggota bagi pelbagai Jawatankuasa Pilihan. Pencalonannya dilaporkan kepada Dewan. (Lihat juga <i>Jawatankuasa Pilihan</i>) <i>Peraturan Tetap 100(1)</i> .

⁶ Jawatankuasa Parlimen Pemerintah mula ditubuhkan pada tahun 1987.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Jawatankuasa Peraturan Tetap	<i>Standing Orders Committee</i>	Jawatankuasa Pilihan Tetap yang menyemak Peraturan Tetap dari semasa ke semasa, menyarankan pindaan dan melaporkan kepada Dewan tentang segala perkara yang berkaitan dengannya. Jawatankuasa ini tidak berkuasa untuk memanggil orang tampil ke hadapannya, atau meminta dikeluarkan surat dan rekod, kecuali jika Parlimen membuat ketetapan sedemikian. <i>Peraturan Tetap 100(4).</i>
Jawatankuasa Perbekalan	<i>Committee of Supply</i>	<p>Jawatankuasa seluruh Parlimen yang mempertimbangkan urusan Perbekalan. Jawatankuasa biasanya bersidang selama tujuh hari atau lebih pada bulan Mac untuk menguruskan anggaran perbelanjaan bagi tahun kewangan yang akan datang. <i>(Lihat juga Anggaran Perbelanjaan).</i></p> <p>Jawatankuasa mempertimbangkan permintaan dana daripada setiap kementerian lalu mengundinya. Anggota boleh mencadangkan potongan ala kadar sebanyak \$100 kepada anggaran setiap kementerian tertentu, supaya dapat membahaskan dasar atau perincian program kementerian tersebut. Perbahasan dalam Jawatankuasa Perbekalan juga dikenali sebagai <i>Grievance Debates</i> (Perbahasan Sungutan), kerana Anggota menggunakan peluang ini untuk menyuarakan sungutan dan aduan tentang pelbagai program yang dijalankan oleh masing-masing kementerian.</p> <p>Setelah meluluskan anggaran perbelanjaan, Jawatankuasa akan melaporkan keputusannya kepada Parlimen yang seterusnya membahaskan dan meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan (<i>Lihat Rang Undang-Undang Perbekalan</i>). Setelah Rang Undang-Undang disetujui oleh Presiden, Akta Perbekalan memberi kuasa kepada Pemerintah untuk mengeluarkan wang dari Dana Disatukan dan Pembangunan demi menampung perbelanjaannya, seperti yang terkandung dalam anggaran yang diluluskan. <i>Peraturan Tetap 90 dan Perkara 148 Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>
Jawatankuasa Petisyen Awam	<i>Public Petitions Committee</i>	Jawatankuasa Pilihan Tetap yang menguruskan petisyen orang ramai yang dikemukakan kepada Dewan. Fungsinya bukan untuk menimbangkan buruk baik petisyen itu tetapi merumuskan kandungan petisyen dalam laporan kepada Dewan. <i>(Lihat juga Petisyen dan Jawatankuasa Pilihan)</i> <i>Peraturan Tetap 100(6).</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

<p>Jawatankuasa Pilihan</p>	<p><i>Select Committees</i></p>	<p>Sekumpulan Anggota yang dipilih oleh Parlimen untuk menyiasat perkara tertentu dan membuat laporan. Jawatankuasa Pilihan Tetap dilantik bagi sepanjang hayat sesebuah Parlimen. Ada tujuh jawatankuasa sedemikian, iaitu Jawatankuasa Hak Istimewa, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Anggaran, Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Akaun Negara, Jawatankuasa Petisyen Awam dan Jawatankuasa Peraturan Tetap. Di bawah Perlembagaan, Jawatankuasa Pilihan Khas boleh ditubuhkan untuk mencalonkan para Anggota Parlimen Terlantik yang akan dilantik oleh Presiden. Jawatankuasa Pilihan yang lain boleh diadakan secara <i>ad hoc</i> atas usul yang diluluskan oleh Dewan bagi mengkaji Rang Undang-Undang atau perkara lain.²⁴</p> <p>Jawatankuasa Pilihan tentang Rang Undang-Undang dan sesetengah Jawatankuasa Pilihan Tetap diberi kuasa untuk memanggil saksi dan meminta dikeluarkan dokumen dan rekod. Jawatankuasa itu boleh mengadakan perbicaraan secara tertutup atau umum. Setelah selesai dapatan dan saranannya, Jawatankuasa itu mengemukakan laporan kepada Parlimen. Mana-mana Anggota boleh mengajukan usul untuk menerima atau menolak laporan tersebut.</p> <p>Semua soalan dalam Jawatankuasa Pilihan diputuskan dengan undi majoriti. Proses pengundian dalam Parlimen dan Jawatankuasa agak serupa. Pengerusi akan memungut suara “<i>Aye</i>” dan “<i>No</i>” lalu mengumumkan keputusan. Jika pembahagian undi dituntut, Setiausaha Jawatankuasa itu akan memanggil setiap Anggota dan mencatatkan undi. Keputusan pengundian diserahkan kepada Pengerusi yang kemudian mengumumkannya.</p> <p><i>Peraturan Tetap 100-106.</i></p> <p>²⁴ Contohnya adalah Jawatankuasa Pilihan tentang Dasar Pengangkutan Darat yang dibentuk pada 1989.</p>
<p>Jawatankuasa Pilihan Khas</p>	<p><i>Special Select Committee</i></p>	<p>Jawatankuasa Pilihan yang dibentuk untuk mencalonkan Anggota Parlimen Terlantik yang akan dilantik oleh Presiden.</p> <p><i>(Lihat juga Jawatankuasa Pilihan)</i></p> <p><i>Jadual Keempat Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Jawatankuasa Seluruh Parlimen	<i>Committee of the Whole Parliament</i>	Sebuah Jawatankuasa yang dianggotai oleh kesemua Anggota Parlimen, dipengerusikan oleh Speaker atau Timbalan Speaker. Setelah Rang Undang-Undang dibacakan kali kedua, misalnya, usul akan diajukan, “Bahawa Parlimen dengan serta merta bersidang sebagai Jawatankuasa bagi menimbangkan Rang Undang-Undang ini”. Apabila usul disetujui, Speaker meninggalkan kerusinya dan mengambil tempat duduk paling kanan di Meja Setiausaha, untuk bertindak selaku Pengerusi Jawatankuasa. Bentara mengalihkan cokmar dari atas Meja Dewan dan meletakkannya pada pendakap di bawah sebagai tanda Dewan sedang bersidang dalam Jawatankuasa. Setelah Dewan selesai pertimbangannya, Pengerusi kembali ke Kerusinya dan berperanan semula sebagai Speaker atau Timbalan Speaker. Cokmar diletakkan semula di atas Meja Dewan dan Dewan menyambung sidang. Menteri yang bertanggung jawab bagi Rang Undang-Undang berkenaan melaporkan hasil pertimbangan Jawatankuasa kepada Dewan, lalu Rang Undang-Undang dibaca kali ketiga. <i>Peraturan Tetap 8(5), 46 dan 73.</i>
Kabinet	<i>Cabinet</i>	Badan yang terdiri daripada Perdana Menteri dan para Menteri. (<i>Lihat Barisan Depan</i>) Kabinet menerajui arahan dan kawalan Pemerintah secara umum. Kabinet berkuasa atas semua dasar Pemerintah serta pentadbiran urusan negara setiap hari. Kabinet secara kolektif bertanggung jawab kepada Parlimen. <i>(Lihat juga Tanggung Jawab Menteri)</i> <i>Perkara 24 dan 25 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Kabinet Bayangan	<i>Shadow Cabinet</i>	Sekumpulan Anggota daripada pihak pembangkang utama yang bertindak sebagai jurucakap pembangkang tentang bidang-bidang utama pemerintah. <i>(Lihat juga Ketua Pembangkang)</i>
Kamar	<i>Chamber</i>	Ruang fizikal tempat Parlimen bersidang.
Kawasan Undi	<i>Constituency</i>	Kawasan geografi tertentu yang pengundinya diwakili oleh sebuah kerusi (<i>di kawasan undi perwakilan perseorangan</i>) atau beberapa kerusi (<i>di kawasan undi perwakilan berkumpulan</i>) di dalam Dewan. Sempadan kawasan undi ditentukan oleh Jawatankuasa Semakan Sempadan Kawasan Undi. <i>Perkara 39 dan 39A Perlembagaan Republik Singapura.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan	<i>Group Representation Constituency (GRC)</i>	Semasa pilihan raya parlimen, sebuah kawasan undi boleh ditetapkan sebagai Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan atau kawasan undi berbilang anggota, yang harus dimenangi oleh tiga hingga enam calon secara sekumpulan. Sekurang-kurangnya seorang calon itu harus berbangsa Melayu, India atau kaum minoriti lain. Jawatankuasa Masyarakat Melayu dan Jawatankuasa Masyarakat India dan Kaum Minoriti Lain akan dilantik sebelum pilihan raya umum untuk menilai calon kaum minoriti bagi Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan, dan menentukan sama ada mereka adalah anggota masyarakat masing-masing. Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan diperkenalkan pada pilihan raya umum 1988 untuk memastikan golongan minoriti sentiasa ada perwakilan di Parlimen. Skim ini tidak diterapkan di semua kawasan undi; beberapa kerusi Parlimen kekal sebagai kawasan undi satu anggota yang boleh dimenangi mana-mana calon tanpa mengira bangsa. <i>Perkara 39A Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Kebenaran Dewan	<i>Leave of the House</i>	Izin Dewan untuk melakukan sesuatu yang tidak boleh dilakukan pada waktu berkenaan atau dengan cara berkenaan. Apabila kebenaran diperlukan, semua Anggota yang hadir harus menyetujui usul berkenaan, kecuali jika lain diperuntukkan dalam Peraturan Tetap Mesyuarat. <i>(Lihat juga Persetujuan Umum)</i>
Kementerian	<i>Ministry</i>	Jabatan Pemerintah yang menguruskan semua fungsi yang tergolong dalam portfolio yang ditugaskan kepada seorang Menteri. Ketua Pentadbirannya adalah Setiausaha Tetap, yang bertanggungjawab kepada Menteri.
Kenyataan Belanjawan	<i>Budget Statement</i>	Kenyataan Belanjawan tahunan disampaikan oleh Menteri Kewangan untuk mengumumkan dasar kewangan Pemerintah bagi tahun kewangan yang berikutnya dan memberikan perincian langkah-langkah fiskal yang akan dilaksanakan. Kenyataan itu menandakan bermulanya perbahasan Belanjawan. Di akhir Kenyataan itu, Dewan ditangguhkan sidangnya tidak kurang tujuh hari jelas, kemudian bersidang semula selama dua hari untuk membahaskan dan meluluskan dasar kewangan Pemerintah seperti yang terkandung dalam Kenyataan Belanjawan itu. <i>(Lihat juga Belanjawan)</i> <i>Peraturan Tetap 89.</i>
Kenyataan Menteri	<i>Ministerial Statement</i>	Kenyataan yang dibuat di Parlimen oleh seorang Menteri berhubung dengan dasar dan keputusan Pemerintah. Pemberitahuan tidak diperlukan bagi kenyataan sedemikian. <i>(Lihat juga Pemberitahuan)</i> <i>Peraturan Tetap 10 dan 23.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Kenyataan Penjelasan	<i>Explanatory Statement</i>	Kenyataan di akhir Rang Undang-Undang yang menerangkan kandungannya dan tujuannya dalam bahasa yang bukan teknikal.
Kepentingan Kewangan Peribadi	<i>Personal Pecuniary Interest</i>	Apabila bangkit untuk berucap, Anggota harus mengisytiharkan setakat mana dia mempunyai kepentingan kewangan peribadi secara langsung dalam perkara yang dibincangkan. Aturan ini memberikan Dewan peluang untuk menentukan sama ada Anggota itu menganjurkan kepentingan orang ramai atau semata-mata menegakkan kepentingan sendiri. Anggota tidak boleh mengundi atas perkara yang dia mempunyai kepentingan kewangan peribadi secara langsung. <i>Bahagian 32 Akta Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa) (Bab 217) dan Peraturan Tetap 65.</i>
Keputusan dan Prosiding Mesyuarat	<i>Votes and Proceedings</i>	Terbitan yang mengandungi minit rasmi prosiding Parlimen, termasuk prosiding Jawatankuasa seluruh Parlimen. Mengandungi rekod kedatangan Anggota, pengumuman yang dibuat oleh Speaker, kertas yang dikemukakan kepada Parlimen, semua perintah dan ketetapan Parlimen dan senarai pembahagian undi jika pembahagian undi dijalankan. <i>Peraturan Tetap 30.</i>
Keputusan Speaker	<i>Speaker's Ruling</i>	Keputusan rasmi yang dibuat oleh Speaker tentang amalan dan prosedur Dewan dan pengendalian sidangnya.
Kertas Hijau	<i>Green Paper</i>	Kertas Perintah yang merupakan dokumen perbincangan awal atau perundingan, yang selalunya diterbitkan sebelum perumusan dasar Pemerintah. ⁷ <i>(Lihat juga Buku Biru, Kertas Putih, Kertas Perintah dan Kertas Parlimen)</i> ⁷ Contohnya, Kertas Hijau tentang “Agenda bagi Tindakan: Matlamat dan Cabaran” yang dibentangkan di Parlimen pada 1988.
Kertas Parlimen	<i>Parliamentary Paper</i>	Dokumen rasmi yang dikemukakan kepada Dewan sejajar dengan undang-undang atau untuk maklumat dan kegunaan Anggota. Kertas Parlimen boleh dibahagikan secara umum kepada enam kategori: (a) kertas perintah, (b) kertas parlimen, (c) perundangan subsidiari, (d) kertas statut, (e) kertas rancangan dan (f) kertas yang dikemukakan oleh Majlis Presiden bagi Hak Kaum Minoriti. Kertas Parlimen boleh dikemukakan oleh Menteri bagi pihak Pemerintah atau oleh Speaker atau Pengerusi Jawatankuasa Pilihan. <i>(Lihat juga Kertas Perintah, Buku Biru, Kertas Hijau dan Kertas Putih)</i> <i>Peraturan Tetap 31.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Kertas Pemberitahuan	<i>Notice Paper</i>	Dokumen yang memberitahu Anggota tentang soalan, Rang Undang-Undang, usul atau urusan lain yang akan dibentangkan di Dewan pada sidang yang akan datang.
Kertas Perintah	<i>Command Paper</i>	Kertas yang dikemukakan kepada Parlimen atas arahan Presiden. Pada amalannya, kertas sedemikian dikemukakan atas inisiatif seorang Menteri. Antara contoh Kertas Perintah ialah Kertas Putih dan Laporan Tahunan Kementerian dan Jabatan masing-masing. (Lihat juga Kertas Parlimen)
Kertas Putih	<i>White Paper</i>	Dokumen dasar Pemerintah yang dikeluarkan untuk menerangkan atau membincangkan sesuatu perkara. Kertas Putih biasanya dibentangkan untuk dibahaskan di Parlimen. ³⁴ (Lihat juga Kertas Hijau, Buku Biru, Kertas Perintah dan Kertas Parlimen) ³⁴ Contohnya, Kertas Putih tentang “Laporan Jawatankuasa Tinjauan Pendidikan Maktab Rendah/Menengah Atas” yang dibentangkan pada 22 Oktober 2002.
Kertas Statut (juga dikenali sebagai “Kertas S.”)	<i>Statute Paper</i> (also known as “S. Papers”)	Kertas atau dokumen yang dikehendaki di sisi undang-undang supaya dikemukakan kepada Parlimen oleh kementerian atau badan berkanun. Contohnya, laporan tahunan majlis bandaran.
Kertas Susunan Mesyuarat	<i>Order Paper</i>	Dokumen awam yang mengandungi agenda sidang Dewan pada hari tertentu, disusun mengikut susunan urusan mesyuarat. Kertas ini juga disediakan untuk semua pengunjung pada hari sidang. Antara lain, kandungannya ialah urusan mesyuarat dan pemberitahuan soalan, usul dan Rang Undang-Undang yang akan dibentangkan di Parlimen. (Lihat juga Kertas Pemberitahuan, Susunan Urusan Mesyuarat dan Urusan Mesyuarat)
Kerusi atau Pengerusi	<i>Chair</i>	Istilah ini merujuk kepada Kerusi Dewan atau Kerusi Jawatankuasa. Speaker menduduki Kerusi Dewan dan Pengerusi menduduki Kerusi Jawatankuasa. Istilah ini juga merujuk kepada orang yang duduk di Kerusi berkenaan, sama ada dalam Parlimen atau dalam Jawatankuasa seluruh Parlimen. Orang itu biasanya Speaker atau Timbalan Speaker. Anggota dikehendaki menyampaikan semua ucapan dan kata-kata “kepada Pengerusi” dan bukan kepada mana-mana Anggota.
Kerusi Speaker	<i>Speaker’s Chair</i>	Kerusi bersandar tinggi yang diduduki oleh Speaker semasa mempengerusikan sidang Parlimen.

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Ketetapan	<i>Resolution</i>	Pernyataan pendapat secara rasmi tentang usul yang diajukan oleh Dewan. <i>(Lihat juga Usul)</i>
Ketua Dewan	<i>Leader of the House</i>	Anggota Parlimen Pemerintah yang merancang dan menguruskan program perundangan Pemerintah dan aturan urusan Dewan. Beliau menasihati Speaker tentang susunan tempat duduk para Menteri, Menteri Negara dan Setiausaha Parlimen. Ketua juga memulakan perkara yang bersifat aturan di Dewan. Kedudukannya bukanlah satu jawatan dan beliau tidak menerima gaji. Seorang Timbalan Ketua boleh dilantik untuk membantunya.
Ketua Pembangkang	<i>Leader of the Opposition</i>	Ketua parti minoriti terbesar yang mampu dan bersedia untuk memegang jawatan seandainya Pemerintah meletakkan jawatan. ¹¹ Parti ini membentuk kabinet bayangan yang diketuai oleh Ketua Pembangkang. <i>(Lihat juga Kabinet Bayangan)</i> ¹¹ Istilah “Ketua Pembangkang tidak rasmi” digunakan di Parlimen pada 6 Januari 1992 bagi ketua parti pembangkang yang menduduki bilangan kerusi Parlimen yang terbanyak.
Kuorum	<i>Quorum</i>	Kuorum bagi Dewan adalah suku daripada bilangan semua Anggota, selain Speaker. Apabila menghitung bilangan Anggota yang hadir, Speaker atau Anggota lain yang menjadi Pengerusi tidak dikira. Kuorum tidak disyaratkan apabila Presiden hadir dalam Dewan. Kuorum yang biasa bagi mesyuarat Jawatankuasa Pilihan adalah tiga orang Anggota, tidak termasuk Pengerusi. <i>Perkara 56 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 6, 7 dan 103(3).</i>
Lantai Dewan	<i>Floor of the House</i>	Lantai Dewan ialah bahagian Dewan yang berada antara Palang Dewan dengan Kerusi Speaker. Anggota hanya boleh berucap dari dalam bahagian ini.
Laporan Rasmi	<i>Official Report</i>	Rekod prosiding Parlimen atau Jawatankuasa secara verbatim. Laporan verbatim diterbitkan sebagai Laporan Parlimen Singapura. <i>(Lihat juga Hansard dan Pelapor Parlimen).</i>
Lobi	<i>Lobby</i>	Sekumpulan orang yang biasanya mewakili kepentingan tertentu, yang cuba mempengaruhi dasar atau perundangan tertentu atau mendapatkan sokongan bagi perjuangan mereka. Istilah ini berkembang daripada amalan mengunjungi <i>lobby</i> (ruang legar) dewan perundangan untuk mendekati para Anggota dan meyakinkan mereka supaya memihak kepada perkara yang diperjuangkan.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Loceng	<i>Bells</i>	Loceng elektronik dibunyikan sebagai tanda sidang akan dimulakan dan Anggota harus masuk ke dalam Dewan. Semasa sidang, loceng dibunyikan untuk mengarahkan Anggota masuk untuk mengundi dalam pembahagian undi atau untuk membentuk kuorum. <i>(Lihat juga Pengundian dan Kuorum)</i>
Majlis Presiden bagi Hak Kaum Minoriti	<i>Presidential Council for Minority Rights</i>	Majlis yang dilantik oleh Presiden untuk menimbangkan dan melaporkan apa-apa perkara, yang boleh dirujuk kepada Parlimen atau Pemerintah, yang menjejaskan mana-mana golongan kaum atau agama tertentu di Singapura. Majlis ini juga meneliti Rang Undang-Undang dan perundangan subsidiari dan melaporkan kepada Speaker jika Rang atau perundangan subsidiari itu mengandungi langkah pembezaan yang menjejaskan mana-mana golongan kaum atau agama. Bagi Rang Undang-Undang, jika laporan Majlis bersifat negatif, Rang itu dirujuk kembali kepada Parlimen untuk pertimbangan lanjut. Bagi perundangan subsidiari pula, peruntukan yang terjejas mesti dimansuhkan atau dipinda oleh Menteri, atau disahkan oleh Parlimen dalam masa enam bulan sejak laporan itu. Majlis meneliti kesemua perundangan kecuali Rang Undang-Undang Wang, Rang yang menjejaskan pertahanan, keselamatan negara atau keselamatan awam Singapura dan Rang Undang-Undang yang diperakui oleh Perdana Menteri sebagai mendesak. Anggota Majlis dilantik untuk seumur hidup (<i>anggota tetap</i>) atau untuk tempoh tertentu selama tiga tahun. <i>(Lihat juga Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i> <i>Perkara 68, 69 dan 77 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Majoriti	<i>Majority</i>	Setiap soalan yang dicadangkan di Parlimen harus diputuskan dengan sokongan undi majoriti mudah iaitu, lebih daripada separuh bilangan Anggota yang hadir semasa pengundian, kecuali lain diperuntukkan dalam undang-undang. <i>Perkara 57 Perlembagaan Republik Singapura.</i>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Masa Soalan	<i>Question Time</i>	<p>Tempoh yang diperuntukkan di awal setiap sidang untuk para Menteri atau Anggota disoal oleh Anggota lain berhubung dengan tanggungjawab mereka. Setiap soalan harus dijawab oleh Menteri atau Anggota berkenaan secara lisan di Parlimen. Hanya soalan yang tertera dalam Kertas Urusan Mesyuarat pada hari berkenaan boleh diajukan.²¹ Bagaimanapun, apabila jawapan sudah diberikan, mana-mana Anggota lain boleh, tanpa pemberitahuan, dengan spontan mengajukan soalan tambahan yang berkaitan dengan soalan asal. Apabila mengajukan soalan tambahan, Anggota tidak dibenarkan membuat kenyataan atau ucapan.</p> <p>Di akhir Masa Soalan, jawapan bertulis akan diberikan bagi mana-mana soalan yang tidak sempat dijawab, kecuali Anggota meminta soalnya ditangguhkan ke sidang yang akan datang.²² (<i>Lihat juga Soalan untuk Dijawab secara Lisan/Bertulis</i>) <i>Peraturan Tetap 20 dan 22.</i></p> <p>²¹ Kecuali Speaker berpendapat soalan itu bersifat mendesak [Peraturan Tetap 20(1)]. ²² Masa Soalan berlangsung selama 90 minit.</p>
Meja Dewan	<i>Table of the House</i>	<p>Terletak di tengah Dewan antara kedua pihak Barisan Depan. Semasa Parlimen bersidang, Cokmar diletakkan di atas pendakap di satu hujung Meja. Dua mimbar disediakan di setiap sisi panjang Meja, dan di situlah Anggota Barisan Depan membuat ucapan.²⁷ Kertas yang dikemukakan kepada Dewan harus diletakkan di atas Meja ini. <i>Peraturan Tetap 31.</i></p> <p>²⁷ Mimbar ini menggantikan kotak pidato yang mengikut sejarah digunakan di Dewan Rakyat UK untuk menyimpan dokumen penting bagi Barisan Depan.</p>
Memansuhkan Akta	<i>Repeal of an Act</i>	<p>Menamatkan sesuatu undang-undang. Akta dimansuhkan oleh Parlimen dengan meluluskan Rang Undang-Undang yang memperuntukkan pemansuhan itu.</p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Menamakan Anggota	<i>Naming a Member</i>	Perisytiharan daripada Kerusi Speaker yang mengenal pasti Anggota yang tidak mengendahkan kuasa Speaker atau Pengerusi, atau berdegil dan sengaja menghalang urusan Parlimen dengan menyalahgunakan peraturannya. Menurut Peraturan Tetap, apabila Anggota dinamakan, seorang Menteri atau Setiausaha Parlimen hendaklah serta merta mengajukan usul, “Bahawa Encik digantung perkhidmatannya di Parlimen”. Usul itu tidak boleh dipinda, ditangguhkan atau dibahaskan dan Dewan harus membuat keputusan atasnya dengan serta merta. <i>Peraturan Tetap 59.</i>
Menangguhkan	<i>Adjourn</i>	Menunda sesuatu hingga lain masa.
Menarik Perhatian Speaker	<i>Catching the Speaker’s Eye</i>	Semasa perbahasan di dalam Dewan, beberapa Anggota mungkin menunjukkan hasrat untuk berucap pada masa yang sama. Dalam keadaan demikian, Speaker boleh memberi peluang berucap kepada sesiapa yang mula-mula ternampak olehnya. <i>Peraturan Tetap 48.</i>
Mendahului Urusan	<i>Anticipation</i>	Jika Parlimen telah memerintahkan supaya sesuatu perkara dibahaskan pada tarikh tertentu, lalu seorang Anggota membangkitkan perbincangan tentang perkara itu pada hari yang lebih awal, dia dikatakan mendahului perbahasan. Hal ini tidak dibenarkan menurut Peraturan Tetap. <i>Peraturan Tetap 53.</i>
Mengemukakan Soalan	<i>Putting the Question</i>	Semua usul yang diajukan bagi mendapatkan keputusan Dewan akan dikemukakan oleh Pengerusi kepada Dewan dalam bentuk soalan, supaya pengundian dapat dijalankan. Proses dimulakan dengan Anggota yang bertanggungjawab mengajukan usul dan menerangkan alasan dan tujuannya. Kemudian, Pengerusi membacakan isi usul itu dan mencadangkannya kepada Dewan. Inilah isyarat bermulanya perbahasan tentang usul tersebut. Di akhir perbahasan, Pengerusi akan mengemukakan soalan dan pengundian dijalankan. <i>(Lihat juga Pengerusi, Usul, Soalan dan Memungut Suara)</i>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Menteri	<i>Minister</i>	Menteri dilantik oleh Presiden atas nasihat Perdana Menteri, dan biasanya merupakan Anggota Parlimen daripada parti politik yang menguasai majoriti kerusi di Parlimen. Bersama dengan Perdana Menteri, para Menteri membentuk Kabinet. Setiap Menteri biasanya mengetuai sebuah kementerian dan beliau bertanggungjawab kepada Parlimen bagi dasar dan program kementerian itu. Seorang Menteri boleh dilantik bagi memikul tugas khas di luar bidang kerja kementerian dan ada kalanya disebut Menteri tanpa Portfolio. <i>(Lihat juga Kabinet, Barisan Depan, Menteri Negara dan Setiausaha Parlimen)</i> <i>Perkara 25 dan 30 Perlembagaan Singapura.</i>
Menteri Negara	<i>Minister of State</i>	Menteri Negara dilantik oleh Presiden. Pangkatnya lebih tinggi daripada Setiausaha Parlimen dan lebih rendah daripada Menteri. Pada umumnya, Menteri Negara dilantik untuk membantu Menteri dalam tugasnya. <i>(Lihat juga Menteri dan Setiausaha Parlimen)</i>
Orang Luar	<i>Strangers</i>	Mereka yang bukan Anggota dan bukan pegawai Dewan. Kemasukan mereka ke dalam dewan dikawal oleh Bentara, tertakluk kepada peraturan yang dibuat oleh Speaker. <i>Peraturan Tetap 109.</i>
Palang Dewan	<i>Bar of the House</i>	Palang kayu di dalam Dewan yang menandakan batasan ruang yang dikhaskan untuk Anggota. Semasa sidang, Anggota sahaja boleh melalui Palang ini. Anggota tidak dibenarkan berucap di luar batasan Palang. Mengikut tradisi, Anggota boleh dicela oleh Speaker di Palang atau di tempat duduk mereka, dan orang awam boleh dicela atau diarahkan untuk memberi keterangan di Palang.
Parlimen	<i>Parliament</i>	Satu perhimpunan rakyat, yang dipilih atau dilantik untuk mewakili rakyat. Fungsi utama Parlimen iaitu meluluskan undang-undang negara. Bersama Presiden, Parlimen membentuk badan perundangan negara. ¹⁸ Istilah “Parlimen” juga merujuk kepada setiap kumpulan Anggota yang dipilih pada setiap pilihan raya umum, misalnya, Parlimen Pertama (1965-1968), Parlimen Kedua (1968-1972), dan Parlimen Ketiga (1972-1976). Setiap tempoh Parlimen boleh meliputi beberapa sesi, berselang-seli dengan penamatan penggal dan jangka masa istirahat Parlimen. Tempoh sesebuah parlimen adalah lima tahun sejak tarikh sidangnya yang pertama. <i>(Lihat juga Penamatan Penggal Parlimen, Istirahat dan Penggal)</i>

¹⁸ Perkataan Parlimen berasal daripada kata Perancis “*parler*” yang bermaksud “bercakap”.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Parlimen Dewan	Satu	<i>Unicameral Parliament</i>	Parlimen yang terdiri daripada satu dewan, iaitu tanpa Dewan Pertuanan yang wujud dalam Parlimen Dua Dewan. Parlimen Singapura adalah Parlimen satu dewan. (<i>Lihat juga Dewan</i>)
Parlimen Tergantung		<i>Hung Parliament</i>	Parlimen Tergantung berlaku apabila tiada parti atau parti campuran dapat menguasai jumlah majoriti kerusi Parlimen. Parti yang memerintah harus bergantung pada sokongan parti-parti lain atau anggota bebas untuk memperoleh sokongan majoriti.
Pelapor		<i>Reporter</i>	(<i>Lihat Pelapor Parlimen</i>)
Pelapor Parlimen		<i>Parliamentary Reporter</i>	Penulis trengkas yang mencatatkan prosiding Dewan dan Jawatankuasa Pilihan secara verbatim. Juga dikenali sebagai Pelapor Verbatim. Jabatannya diketuai oleh Ketua Pelapor dan Editor. (<i>Lihat juga Hansard dan Laporan Rasmi</i>)
Pelapor Verbatim		<i>Verbatim Reporter</i>	(<i>Lihat Pelapor Parlimen</i>)

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Pembahagian Undi	<i>Division</i>	<p>Kebanyakan keputusan dalam Parlimen atau Jawatankuasa dibuat dengan memungut suara undi. Tetapi, Anggota boleh mencabar pendapat Pengerusi tentang hasil pemungutan itu dan menuntut pengundian selanjutnya, iaitu dengan pembahagian undi. Tuntutan pembahagian undi harus disokong oleh sekurang-kurangnya empat orang Anggota lain. Dalam pembahagian undi, setiap Anggota dicatatkan dan diperhitungkan undinya melalui sistem pengundian elektronik.³ <i>(Lihat juga Pemungutan Suara)</i></p> <p>Pembahagian undi mesti dilakukan bagi meluluskan Rang Undang-Undang pindaan Perlembagaan, demi memastikan yang pindaan itu disokong oleh dua pertiga bilangan semua Anggota yang dipilih.</p> <p>Jika Anggota hanya ingin bantahannya direkodkan dalam Keputusan dan Prosiding Mesyuarat dan Laporan Rasmi, dia boleh berbuat begitu tanpa meminta pembahagian undi. Dia hanya perlu memberitahu Speaker atau Pengerusi. <i>(Bagi pembahagian undi dalam Jawatankuasa Pilihan, lihat Jawatankuasa Pilihan) Peraturan Tetap 62-64.</i></p> <p>³ Di Dewan Rakyat UK, iaitu asal prosedur ini, para Anggota dibahagi-bahagikan dengan beredar keluar dari Dewan melalui dua ruang legar, satu untuk “Aye” dan satu lagi untuk “No”. Pengira undi di setiap ruang legar mengira bilangan Anggota yang melewati setiap ruang dan mengumumkan hasil pembahagian kepada Dewan. Di Singapura, pembahagian undi dijalankan melalui sistem pengundian elektronik.</p>
Pembangkang	<i>Opposition</i>	<p>Parti atau parti-parti politik di Parlimen yang tidak membentuk Pemerintah.¹⁷</p> <p>¹⁷ Di Dewan Rakyat UK, istilah “Pembangkang Rasmi” merujuk kepada parti minoriti terbesar yang siap sedia untuk mengambil alih pucuk pimpinan negara sekiranya Pemerintah meletakkan jawatan.</p>
Pemberitahuan	<i>Notice</i>	<p>Pemberitahuan terlebih dahulu harus dikeluarkan sebelum sidang bagi membentangkan urusan tertentu, seperti soalan dan Rang Undang-Undang. Pemberitahuan itu dikira dengan perhitungan hari “jelas”. Contohnya, pemberitahuan bagi mengemukakan soalan harus diberikan secara bertulis oleh Anggota sekurang-kurangnya tujuh hari jelas sebelum hari sidang yang jawapannya diperlukan. <i>(Lihat juga Hari Jelas)</i></p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Pembubaran Parlimen	<i>Dissolution of Parliament</i>	Parlimen dibubarkan apabila tamat tempohnya di sisi undang-undang, iaitu paling lama lima tahun sejak tarikh sidangnya yang pertama. Tetapi, Perdana Menteri boleh menasihati Presiden supaya membubarkan Parlimen sebelum tamat tempoh tersebut, dengan membuat Perisytiharan dalam Warta Pemerintah. Atas budi bicara Presiden, Parlimen juga boleh dibubarkan jika jawatan Perdana Menteri dikosongkan dan, setelah diberikan jangka masa yang munasabah, tidak ada Anggota yang berkemungkinan mendapat keyakinan sebahagian besar Anggota. Pilihan raya umum harus diadakan dalam masa tiga bulan setelah Parlimen dibubarkan, untuk memilih Anggota bagi Parlimen yang baru. Pembubaran adalah berbeza dengan Penamatan Penggal Parlimen, yang hanya mengakhiri satu penggal atau sesi Parlimen. <i>(Lihat juga Warta Pemerintah dan Pilihan Raya Parlimen)</i> <i>Perkara 65 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Pembukaan Sidang Parlimen	<i>Opening of Parliament</i>	Upacara rasmi yang menandakan bermulanya Parlimen yang baru atau sesi baru dalam Parlimen yang sedia ada. Acara kemuncak upacara ini adalah Amanat Presiden. Di akhir Amanat, Dewan ditangguhkan sekurang-kurangnya dua hari jelas, lalu bersidang semula untuk memulakan perbahasan tentang Amanat itu. <i>(Lihat juga Amanat Presiden dan Ucapan Terima Kasih)</i> <i>Peraturan Tetap 15.</i>
Pemecatan daripada Dewan	<i>Expulsion from the House</i>	<i>(Lihat Tempoh Jawatan)</i>
Pemerintah Campuran	<i>Coalition Government</i>	Pemerintah campuran terbentuk apabila dua parti politik atau lebih bergabung untuk membentuk satu blok majoriti di Parlimen. Hal ini selalunya terjadi apabila tidak ada satu-satu parti yang mampu memenangi majoriti (lebih daripada separuh) kerusi Parlimen bagi membentuk Pemerintah. <i>(Lihat juga Parlimen Tergantung)</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

<p>Pemungutan Suara</p>	<p><i>Collection of Voices</i></p>	<p>Kebanyakan soalan yang dikemukakan di Parlimen diputuskan dengan undi majoriti (<i>keputusan tentang perkara tertentu seperti pindaan Perlembagaan memerlukan majoriti dua per tiga</i>). Pengundian biasanya dilakukan dengan mengumpulkan suara “<i>aye</i>” dan “<i>no</i>”.</p> <p>Di akhir perbahasan, Speaker akan mengemukakan soalan dan mempelawa supaya “Mereka yang setuju katakan ‘<i>Aye</i>’”. Anggota yang menyokong usul tersebut akan menurut. Beliau kemudian menyambung “Yang tidak katakan ‘<i>No</i>’”, lalu mereka yang tidak menyokong usul berkenaan pula menyatakan undinya. Berdasarkan kekuatan suara masing-masing pihak, Speaker dapat menyatakan pendapatnya dengan berkata, “Saya rasa <i>Aye</i> (atau <i>No</i>) menang”. Beliau berhenti sejenak untuk memberi kesempatan kepada Anggota mencabar keputusannya dan menuntut pembahagian undi. Tuntutan pembahagian undi mesti disokong oleh sekurang-kurangnya empat Anggota lain. (<i>Lihat Pembahagian Undi</i>). Jika tidak ada yang mencabar pendapatnya, Speaker boleh seterusnya mengisytiharkan, “<i>Aye</i> (atau <i>No</i>) menang”.</p> <p><i>Peraturan Tetap 62.</i></p>
<p>Penangguhan Perbahasan</p>	<p><i>Adjournment of Debate</i></p>	<p>Ada kalanya, perkara yang sedang dibincangkan tidak dapat diselesaikan dalam satu sidang. Misalnya, bilangan Anggota yang ingin berucap mungkin melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi sidang itu, atau perbahasan mungkin memakan masa beberapa hari, seperti perbahasan tentang Amanat Presiden dan urusan Perbekalan. Dalam keadaan demikian, seorang Anggota boleh mengajukan usul “Bahawa perbahasan ditangguhkan sekarang” atau, apabila Dewan sedang bersidang dalam Jawatankuasa, “Bahawa Pengerusi melaporkan perjalanan mesyuarat dan meminta izin untuk bersidang lagi”. Speaker akan meminta Anggota yang bertanggungjawab bagi perkara yang sedang dibincangkan supaya menyebutkan tarikh yang lain bagi menyambung perbahasan.</p> <p><i>Peraturan Tetap 27 dan 73 (2).</i></p>
<p>Penangguhan Perbahasan Atas Perkara Khusus Yang Mendesak dan Penting bagi Umum</p>	<p><i>Adjournment to Debate a Definite Matter of Urgent Public Importance</i></p>	<p>Dengan izin Dewan, seorang Anggota boleh bangkit selepas Masa Soalan (<i>atau Kenyataan Menteri, jika ada</i>) untuk mengusulkan penangguhan mesyuarat Parlimen bagi membincangkan perkara khusus yang mendesak dan penting bagi umum. Pemberitahuan lebih dahulu tidak diperlukan, tetapi sebelum sidang dimulakan, Anggota hendaklah menyerahkan pemberitahuan bertulis kepada Speaker tentang perkara yang hendak dibincangkannya.</p> <p>(<i>Lihat juga Penangguhan Mesyuarat Parlimen</i>)</p> <p><i>Peraturan Tetap 24.</i></p>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Penangguhan Sidang Parlimen	<i>Adjournment of Parliament</i>	<p>Untuk menamatkan sidang Dewan, seorang Menteri hendaklah mengusulkan “Bahawa sidang Parlimen ini ditangguhkan sekarang”. Jika usul disetujui, sidang Parlimen hari itu ditamatkan dan disambung semula pada hari sidang berikutnya. Sidang Parlimen juga boleh ditangguhkan ke tarikh yang telah ditetapkan atau akan ditetapkan kelak.</p> <p>Usul ini boleh digunakan sebagai alat prosedur untuk seorang Anggota membangkitkan perkara khusus yang mendesak dan penting bagi umum untuk dibahaskan. (<i>Lihat juga Penangguhan Perbahasan Atas Perkara Khusus Yang Mendesak dan Penting bagi Umum dan Hak Membangkitkan Perkara Atas Usul Penangguhan Mesyuarat</i>) <i>Peraturan Tetap 2 (8)(b), 24 dan 28.</i></p>
Penarikan Balik Rang Undang-Undang	<i>Withdrawal of a Bill</i>	<p>Selepas diperkenalkan dalam Dewan, Rang Undang-Undang boleh ditarik balik pada mana-mana peringkat atas usul yang dibuat oleh Anggota yang bertanggungjawab. Tiada pemberitahuan diperlukan.</p> <p><i>Peraturan Tetap 84.</i></p>
Pengerusi	<i>Chairman</i>	<p>Speaker atau Timbalan Speaker menyandang peranan Pengerusi apabila Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Mengikut kebiasaan, Anggota sepatutnya menyebut Speaker dengan panggilan “Tuan Speaker” walaupun beliau berperanan sebagai Pengerusi, dan menggunakan istilah “Tuan Pengerusi” hanya apabila Timbalan Speaker atau Anggota lain, semasa ketiadaan Speaker atau Timbalan Speaker, mempengerusikan sidang¹.</p> <p><i>Peraturan Tetap 8.</i></p> <p>¹ Pada 2 Disember 1971, Encik N. Govindasamy dipilih untuk menjalankan tugas Speaker, semasa ketiadaan Speaker Yeoh Ghim Seng.</p>
Penggal, Sesi	<i>Session</i>	<p>Tempoh antara Pembukaan Sidang Parlimen dan penamatan penggal atau pembubarannya. Sebuah Parlimen boleh meliputi lebih daripada satu penggal, contohnya, Penggal Pertama Parlimen Kesembilan dan Penggal Kedua Parlimen Kesembilan.</p> <p>(<i>Lihat juga Pembubaran Parlimen dan Penamatan Penggal Parlimen</i>) Perkara 2 dan 64 Perlembagaan Republik Singapura.</p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Penggantungan Anggota	<i>Suspension of Member</i>	<p>Hukuman yang dikenakan ke atas Anggota Parlimen bagi tingkah laku sangat tidak tertib, sangat tidak menghormati kuasa Pengerusi, atau berdegil dan sengaja menghalang urusan Dewan. Anggota yang digantung jawatannya akan diarahkan oleh Speaker supaya mengosongkan tempat duduknya dan beredar dari kawasan Parlimen. Penggantungan itu boleh berlangsung selama tempoh yang ditentukan oleh Dewan.</p> <p><i>(Lihat juga Menyebutkan Nama Anggota)</i></p> <p>Hukuman ini boleh dikenakan oleh Speaker atau dikenakan langsung oleh Parlimen. Penggantungan Anggota boleh juga disarankan oleh Jawatankuasa Hak Istimewa dan dikenakan oleh Parlimen menurut peruntukan Akta Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa) (Bab 217). <i>Peraturan Tetap 58, 59 dan 60 dan Seksyen 19, 20 dan 21 Akta Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa) (Bab 217).</i></p>
Penggantungan Sidang	<i>Suspension of Sitting</i>	<p>Di bawah Peraturan Tetap, sidang boleh digantung pada bila-bila masa selepas pukul 3.15 petang melalui ketetapan Dewan atas usul yang tidak memerlukan pemberitahuan dan, apabila digantung, harus disambung semula pada pukul 3.45 petang. Speaker juga boleh menggantung sidang Parlimen pada bila-bila masa bagi tempoh yang difikirkannya wajar.</p> <p><i>Peraturan Tetap 2.</i></p>
Pengosongan Kerusi	<i>Vacation of Seat</i>	<p><i>(Lihat Tempoh Jawatan)</i></p>
Penjelasan Peribadi	<i>Personal Explanation</i>	<p>Kenyataan pendek oleh Anggota untuk menerangkan, menjelaskan, memberikan kewajaran atau meminta maaf bagi kelakuannya tentang persoalan atau situasi tertentu, atau membetulkan gambaran yang dikatakan salah. Penjelasan itu tidak dibahaskan. Anggota hendaklah mendapatkan izin Speaker untuk membuat penjelasan peribadi.</p> <p><i>Peraturan Tetap 25.</i></p>
Penutupan Perbahasan	<i>Closure of Debate</i>	<p>Juga dikenali sebagai “gag” (penutup mulut). Ini adalah prosedur bagi mengakhiri perbahasan apabila masih ada Anggota yang ingin berucap. Speaker atau Pengerusi boleh menutup perbahasan tanpa mengemukakan soalan jika kelihatan kepadanya bahawa usul berkenaan semata-mata menyalahgunakan aturan Parlimen, atau melanggar hak golongan minoriti.</p> <p><i>Peraturan Tetap 54.</i></p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Penyerahan Rang Undang-Undang	<i>Committal of a Bill</i>	Rang Undang-Undang diserahkan kepada pertimbangan Jawatankuasa selepas Bacaan Keduanya. Pertimbangan itu boleh berlangsung dalam Jawatankuasa seluruh Parlimen atau Jawatankuasa Pilihan. Semasa di peringkat jawatankuasa, setiap fasal dalam Rang Undang-Undang itu dipertimbangkan dengan terperinci. <i>(Lihat juga Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i> <i>Peraturan Tetap 71.</i>
Penyerahan Semula Rang Undang-Undang	<i>Recommittal of a Bill</i>	Setelah Rang Undang-Undang dipertimbangkan dalam Jawatankuasa (<i>sama ada Jawatankuasa Seluruh Parlimen atau Jawatankuasa Pilihan</i>) dan dilaporkan kepada Parlimen, Rang itu boleh diserahkan semula kepada Jawatankuasa Seluruh Parlimen untuk pertimbangan lanjut, jika ada pindaan baru yang harus dibuat atau peruntukan baru yang harus diperkenalkan. Penyerahan semula ini harus dilakukan sebelum usul untuk Bacaan Ketiga. Apabila Rang diserahkan semula, Dewan akan memutuskan sama ada pindaan yang diusulkan itu harus dipertimbangkan dengan segera atau pada tarikh yang ditetapkan oleh Anggota yang bertanggungjawab. <i>Peraturan Tetap 76 dan 80.</i>
Penyokong	<i>Supporter</i>	Anggota yang menyokong usul seorang Anggota persendirian. Usul Anggota persendirian harus disokong oleh sekurang-kurangnya seorang dan tidak lebih daripada lima Anggota dengan menandatangani pemberitahuan usul atau dengan bangkit menyokong usul tersebut di dalam Dewan. <i>(Lihat juga Usul)</i> <i>Peraturan Tetap 34(1) dan 38(1).</i>
Peraturan Perbahasan	<i>Rules of Debate</i>	Peraturan untuk memastikan agar perbahasan berlangsung dengan tertib. Menurut peraturan perbahasan, antara lain, Anggota harus membatasi ucapan kepada isi perbahasan, mematuhi had masa yang dikenakan, serta mengelakkan perkara yang tidak relevan, perkara yang diulang-ulang hingga membosankan dan bahasa yang kesat. Peraturan ini memberi peluang kepada setiap Anggota untuk menyertai perbahasan tanpa gangguan yang tidak wajar. <i>(Lihat juga Bahasa yang Kurang Sesuai Di Parlimen)</i> <i>Perkara 52 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 47-54.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Peraturan Tata Tertib	<i>Rules of Order</i>	<p>Peraturan untuk menjaga tata tertib dan kesopanan dalam Dewan.²³ Jika peraturan ini dilanggar, Speaker boleh mencela Anggota berkenaan atau mengarahkannya supaya beredar dari kawasan Parlimen sehingga selesai sidang pada hari itu atau menggantung keanggotaannya hingga akhir penggal Parlimen berkenaan. (<i>Lihat juga Celaan</i>) <i>Peraturan Tetap 55-61 dan Seksyen 20, Akta Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa) (Bab 217).</i></p> <p>²³ Contohnya, Anggota tidak dibenarkan masuk atau meninggalkan Dewan semasa Speaker sedang berdiri untuk berucap (Peraturan Tetap 55).</p>
Peraturan Tetap	<i>Standing Orders</i>	<p>Peraturan yang diluluskan oleh Dewan untuk mengawal prosiding. Peraturan ini tidak luput dengan tamatnya penggal parlimen yang membuatnya, tetapi terus berkuat kuasa hingga dipinda atau dimansuhkan oleh Dewan. Peraturan Tetap boleh digantung melalui ketetapan sama ada untuk sementara waktu ataupun untuk tujuan tertentu (<i>Lihat juga Waktu Gangguan dan Urusan yang Dikecualikan</i>). Jawatankuasa Peraturan Tetap menyemak Peraturan Tetap dan menyarankan pindaan dan melaporkan kepada Dewan semua perkara yang berkaitan dengannya.</p>
Perbahasan	<i>Debate</i>	<p>Perbincangan rasmi dalam Parlimen atau Jawatankuasa, yang mengungkapkan berbagai pandangan. Setiap perbahasan bertolak daripada satu usul. Anggota yang mengajukan usul memberi ucapan yang menjelaskan asas usul itu. Speaker atau Pengerusi kemudian mengemukakan usul itu sebagai satu soalan. Perbahasan mungkin berlangsung atas usul itu, dengan sejumlah Anggota berucap menyokong atau menentangnya. Anggota yang mengajukan usul yang asal diberikan masa hingga satu jam untuk membentangkan usul dan beliau sahaja yang memegang hak untuk menjawab. Jawapannya dihadkan kepada satu jam. Semasa perbahasan di Parlimen, Menteri (termasuk Menteri Negara) dan Setiausaha Parlimen diberi masa hingga satu jam untuk berucap dan Anggota pula diberi hingga setengah jam.</p> <p>Di akhir perbahasan, Speaker atau Pengerusi mengemukakan soalan atas usul tersebut dan pengundian dijalankan. Keputusan Dewan dan hasil undian diterbitkan dalam Keputusan dan Prosiding Mesyuarat, manakala ucapan verbatim disiarkan dalam Laporan Parlimen Singapura. (<i>Lihat juga Hansard, Bahasa Perbahasan, Peraturan Perbahasan dan Keputusan dan Prosiding Mesyuarat</i>) <i>Peraturan Tetap 41 dan 48(8).</i></p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Perdana Menteri	<i>Prime Minister</i>	Perdana Menteri adalah Ketua Pemerintah. Presiden melantik Anggota Parlimen yang pada pendapat beliau besar kemungkinan mendapat keyakinan sebahagian besar Anggota Dewan. Perdana Menteri dan anggota Kabinet yang lain bertanggungjawab kepada Dewan. Dalam sistem Pemerintah berkabinet, beliau dianggap <i>primus inter pares</i> , atau <i>first among equals</i> (pertama antara yang setara). Apabila Parlimen dibubarkan, Kabinet tetap memegang jawatan hingga Kabinet baru mengangkat sumpah. (<i>Lihat juga Perkara 25 Perlembagaan Republik Singapura.</i>)
Perkara	<i>Article</i>	Setiap perenggan bernombor yang terkandung dalam Perlembagaan disebut “Perkara”. Perkara dalam Perlembagaan serupa dengan “seksyen” dalam Akta Parlimen dan “fasal” dalam Rang Undang-Undang.
Perlembagaan Republik Singapura	<i>Constitution of the Republic of Singapore</i>	Undang-undang tertinggi Singapura. Perlembagaan membentangkan rangka asas politik negara dan mengandungi pelbagai peruntukan termasuk yang menyentuh kebebasan asasi, kerakyatan dan perkhidmatan awam. Perlembagaan boleh dipinda oleh Parlimen, dengan meluluskan undang-undang yang disokong oleh sekurang-kurangnya dua pertiga bilangan semua Anggota yang dipilih dalam Dewan.
Persetujuan Presiden	<i>President’s Assent</i>	Rang Undang-Undang yang telah diluluskan Parlimen akan dihantar kepada Presiden untuk persetujuan beliau. Persetujuan bermakna Presiden bersetuju dengan kelulusan yang diberikan oleh Parlimen atas Rang Undang-Undang itu. Dengan persetujuan Presiden, Rang itu menjadi undang-undang. Presiden bertindak sejajar dengan nasihat Kabinet apabila menggunakan kuasa ini, kecuali bagi Rang Undang-Undang yang tertentu. (<i>Lihat Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang</i>) <i>Perkara 58 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Persetujuan Umum	<i>General Assent</i>	Persetujuan atau kelulusan dari kesemua Anggota yang hadir ⁵ . Jika seorang Anggota tidak bersetuju dengan usul berkenaan, syarat bagi persetujuan umum tidak dipenuhi. ⁵ Contohnya ialah Peraturan Tetap 35 yang menetapkan bahawa, jika pemberitahuan diperlukan bagi sesuatu usul, pemberitahuan itu tidak boleh diabaikan kecuali dengan izin Speaker dan persetujuan umum para Anggota yang hadir.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Perundangan	<i>Legislation</i>	Perundangan merujuk kepada satu undang-undang atau sekumpulan undang-undang. Perundangan subsidiari atau perundangan wakilan bererti aturan dan peraturan yang dibuat di bawah kuasa yang diwakilkan oleh Akta utama. (<i>Lihat juga Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang</i>) <i>Perkara 58 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Perundangan Subsidiari	<i>Subsidiary Legislation</i>	Apa-apa perintah, peraturan, pemberitahuan, undang-undang kecil atau surat cara yang dibuat di bawah mana-mana Akta, Ordinan atau kuasa lain yang sah. Semua perundangan subsidiari harus dikemukakan kepada Parlimen. (<i>Lihat juga Kertas Parlimen</i>)
Peruntukan Akaun	<i>Vote on Account</i>	Perbelanjaan Pemerintah yang dibenarkan bagi sebahagian tahun kewangan sebelum Belanjawan diluluskan. Peruntukan dibuat bagi menyediakan dana untuk menampung keperluan segera pelbagai kementerian sehingga anggaran diluluskan. Bagaimanapun, jumlah agregat anggaran yang diperuntukkan harus disertakan di bawah tajuk-tajuk yang sesuai dalam Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun kewangan berkenaan. Ketetapan Parlimen meluluskan Peruntukan Akaun harus mendapat persetujuan Presiden. <i>Peraturan Tetap 94 dan Perkara 148B Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Peruntukan Kredit	<i>Vote of Credit</i>	Perbelanjaan Pemerintah yang dibenarkan bagi sesuatu tujuan yang diusulkan, yang dinyatakan secara sangat umum. Parlimen, melalui ketetapan yang meluluskan peruntukan kredit, boleh membenarkan perbelanjaan sedemikian bagi seluruh tahun atau sebahagiannya sebelum meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan. Peruntukan itu mungkin diperlukan daripada Dewan memandangkan besarnya atau tidak tertentunya sifat perkhidmatan yang akan diberikan, atau kerana keadaan yang luar biasa mendesak. Ketetapan Parlimen meluluskan peruntukan kredit harus mendapat persetujuan Presiden. <i>Peraturan Tetap 95 dan Perkara 148B Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Peruntukan Presiden	<i>Civil List</i>	Istilah ini merujuk kepada peruntukan wang yang diluluskan oleh Parlimen setiap tahun untuk menampung gaji dan perbelanjaan Presiden. <i>Perkara 22J Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Perutusan dari Presiden	<i>Message from the President</i>	Komunikasi rasmi dan bertulis daripada Presiden, disampaikan kepada Speaker dan ditujukan kepada Parlimen. Perutusan ini lazimnya dibacakan kepada Dewan oleh Speaker. Perutusan Presiden boleh juga disampaikan oleh seorang Menteri. <i>Perkara 62 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 16.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Petisyen	<i>Petition</i>	Petisyen memainkan peranan penting dalam evolusi sistem Parlimen Britain, kerana Rang Undang-Undang berasal daripada petisyen. Di Singapura, orang perseorangan atau sebuah badan korporat boleh mengemukakan petisyen kepada Dewan melalui Anggota. Selain menyampaikan sungutan, petisyen juga harus menyatakan remedi yang diharapkan. Petisyen itu dirujuk kepada Jawatankuasa Petisyen Awam. Jika mengenai Rang Undang-Undang persendirian atau campuran, petisyen itu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-Undang berkenaan. <i>(Lihat juga Jawatankuasa Petisyen Awam)</i> <i>Peraturan Tetap 18.</i>
Pilihan Raya	<i>Elections</i>	<i>(Lihat Pilihan Raya Parlimen)</i>
Pilihan Raya Kecil	<i>By-Election</i>	<i>(Lihat Pilihan Raya Parlimen)</i>
Pilihan Raya Parlimen	<i>Parliamentary Election</i>	Proses untuk memilih rakyat menjadi Anggota Parlimen. Boleh merupakan pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Pilihan raya umum diadakan apabila seluruh Parlimen dibubarkan. Pilihan raya kecil pula mungkin diadakan semasa tempoh sebuah Parlimen apabila satu kerusi Parlimen dikosongkan. Pilihan raya Parlimen dijalankan atas dasar undi langsung, satu orang satu undi. Mereka yang bertanding dalam pilihan raya meraih kerusi di Parlimen dengan memenangi jumlah undi terbesar, dalam sistem <i>first past the post</i> (menang mengikut kelebihan undi). <i>(Lihat juga Pembubaran Parlimen dan Kawasan Undi Perwakilan Berkumpulan)</i>
Pilihan Raya Umum	<i>General Election</i>	<i>(Lihat Pilihan Raya Parlimen)</i>
Pindaan	<i>Amendment</i>	Rang Undang-Undang atau usul di hadapan Dewan boleh disetujui dengan perubahan tertentu. Perubahan itu dikenali sebagai pindaan. Perubahan dibuat dengan mengusulkan pindaan kepada Rang Undang-Undang atau usul itu, bagi menambah atau menghapuskan kata-kata tertentu dan menggantikannya dengan kata-kata yang lain. <i>Peraturan Tetap 37 dan 74.</i>
Pindaan Susulan	<i>Consequential Amendment</i>	Rang Undang-Undang Pindaan yang meminda Akta utama boleh menjejaskan peruntukan dalam Akta lain. Pindaan yang dibuat kepada sebuah fasal dalam satu Rang Undang-Undang boleh juga menjejaskan peruntukan lain dalam Rang Undang-Undang yang sama. Pindaan yang diperuntukkan dalam satu Rang Undang-Undang untuk meminda peruntukan yang terjejas dalam Akta lain, atau pindaan bersifat pendrafan sahaja berpunca daripada pindaan lain dalam Rang yang sama di peringkat Jawatankuasa, disebut pindaan susulan.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Presiden Singapura (Presiden)	<i>President of Singapore (President)</i>	Presiden adalah Ketua Negara. Presiden dipilih oleh para pengundi dan memegang kuasa veto tertentu yang bertujuan untuk melindungi simpanan kewangan negara. Beliau juga memastikan integriti perkhidmatan awam, dan bertindak sebagai kekangan atas kuasa tertentu yang dimiliki Pemerintah. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, Presiden dinasihati oleh Majlis Penasihat Presiden. Tempoh jawatan Presiden adalah enam tahun. <i>Perkara 17, 20 dan 21 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Prorog / Penamatan Penggal Parlimen	<i>Prorogation of Parliament</i>	Tamatnya satu penggal / sesi Parlimen. Presiden menamatkan penggal Parlimen melalui Perisytiharan dalam Warta Pemerintah. Setelah ditamatkan dan sehingga pembukaan penggal / sesi yang baru, Parlimen dikatakan sedang istirahat. Semua urusan mesyuarat dan prosiding yang belum selesai semasa penamatan penggal itu akan dibawa ke sesi selanjutnya. Rang undang-undang yang belum diluluskan tidak luput apabila apabila penggal Parlimen tamat dan akan diteruskan pada peringkat persidangan yang sama dengan sesi sebelumnya, baik di tahap Jawatankuasa atau di Parlimen. <i>(Lihat juga Pembubaran Parlimen, Istirahat dan Pembukaan Sidang Parlimen)</i> <i>Perkara 65 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 88.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Prosedur
Meluluskan Rang
Undang-Undang

Passage of a Bill

Untuk diluluskan oleh Parlimen, Rang Undang-Undang harus melalui beberapa peringkat (Lihat Lampiran 1):

(a) **Bacaan Pertama:** Peringkat pembentangan rasmi, tanpa perbahasan. Anggota yang bertanggungjawab membentangkan Rang Undang-Undang dengan membacakan tajuk panjangnya.¹⁹ Setiausaha di Meja Setiausaha kemudian membacakan tajuk pendeknya. Rang itu seterusnya diwartakan dan selepas sekurang-kurangnya tujuh hari jelas, Bacaan Kedua Rang itu boleh dilaksanakan.

(Lihat juga Rang Undang-Undang dan Tajuk Rang Undang-Undang);

(b) **Bacaan Kedua:** Prinsip Rang Undang-Undang itu dibahaskan di peringkat Bacaan Kedua. Pengundian dijalankan untuk menentukan sama ada Rang itu patut dibaca buat kali kedua. Jika disetujui, tajuk pendeknya dibacakan sekali lagi oleh Setiausaha dan Rang Undang-Undang itu beralih ke peringkat Jawatankuasa. Jika Bacaan Kedua tidak disetujui, Rang Undang-Undang dianggap ditolak.

(Lihat juga “enam bulan dari hari ini”);

(c) **Peringkat Jawatankuasa:** Perincian Rang Undang-Undang diteliti oleh sama ada Jawatankuasa Seluruh Parlimen atau Jawatankuasa Pilihan. Di peringkat ini, Rang dipertimbangkan secara terperinci, fasal demi fasal. Jawatankuasa Pilihan boleh mengundang representasi atau pendapat orang ramai. Apa-apa pindaan kepada Rang Undang-Undang atau pengenalan fasal baru akan dipertimbangkan dan diputuskan dengan undi pada peringkat ini. Bentuk terakhir Rang Undang-Undang akan dikemukakan kepada Parlimen di peringkat laporan.

(Lihat juga Penyerahan Rang Undang-Undang);

(d) **Peringkat Laporan:** Rang Undang-Undang dilaporkan kepada Dewan. Jika dilaporkan daripada Jawatankuasa Seluruh Parlimen, Menteri yang bertanggungjawab bagi Rang itu menyatakan bahawa Rang telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan disetujui dengan atau tanpa pindaan. Jika Rang Undang-Undang telah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan, Jawatankuasa membentangkan laporannya kepada Parlimen. Laporan itu mengandungi saranan Jawatankuasa Pilihan bagi pindaan pada Rang Undang-Undang, jika ada. Seterusnya, Rang beralih ke peringkat Bacaan Ketiga, kecuali diserahkan semula kepada Jawatankuasa Seluruh Parlimen bagi pindaan

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

selanjutnya.

(Lihat juga Penyerahan Semula Rang Undang-Undang);

(e) Bacaan Ketiga: Prosedurnya serupa dengan Bacaan Kedua, cuma perbahasan di peringkat ini lebih terbatas, iaitu tentang kandungan sebenar Rang Undang-Undang itu sahaja. Pindaan boleh diusulkan bagi membetulkan kesilapan atau sesuatu yang tertinggal, tetapi pindaan yang bersifat material tidak boleh dibuat. Pengundian dijalankan bagi Bacaan Ketiga Rang itu. Jika disetujui, Rang Undang-Undang dibacakan tajuk pendeknya buat kali ketiga oleh Setiausaha, lalu dianggap diluluskan oleh Dewan. Jika Bacaan Ketiga tidak disetujui, Rang Undang-Undang dianggap ditolak.

(f) Pertimbangan oleh Majlis Presiden bagi Hak Kaum Minoriti: Kebanyakan Rang Undang-Undang dirujuk kepada Majlis Presiden bagi Hak Kaum Minoriti, yang menentukan sama ada peruntukan Rang Undang-Undang itu mengandungi apa-apa langkah pembezaan yang menjejaskan mana-mana golongan kaum atau agama di Singapura. Jika Majlis Presiden memberikan laporan negatif, Parlimen boleh meminda peruntukan yang terjejas (*selepas itu, Rang Undang-Undang yang sudah dipinda harus dirujuk kembali kepada Majlis Presiden*) atau meluluskan ketetapan bahawa Rang Undang-Undang itu dikemukakan kepada Presiden untuk persetujuan beliau walaupun ada laporan negatif. Ketetapan itu harus disokong oleh tidak kurang daripada dua pertiga bilangan semua Anggota Parlimen.

(Lihat juga Majlis Presiden bagi Hak Kaum Minoriti)

(g) Persetujuan Presiden: Rang Undang-Undang dikemukakan kepada Presiden untuk persetujuan beliau. Setelah menerima persetujuan Presiden, Rang Undang-Undang menjadi Akta Parlimen. Akta itu kemudian diterbitkan dalam Warta Pemerintah.

(Perkara 77 dan 78 Perlembagaan Singapura dan Peraturan Tetap 83)

¹⁹ Bagi Rang Undang-Undang Pemerintah, beliau adalah Menteri yang bertanggungjawab atas Rang tersebut.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Rang Undang-Undang	<i>Bill</i>	<p>Rang bererti draf undang-undang. Rang yang dibentangkan oleh Pemerintah dikenali sebagai Rang Undang-Undang Pemerintah, manakala yang dibawakan oleh Anggota Barisan Belakang dikenali sebagai Rang Undang-Undang Anggota Persendirian. Untuk membentangkan Rang Undang-Undang, pemberitahuan sekurang-kurangnya dua hari jelas harus diberikan jika Rang Undang-Undang Pemerintah, dan empat hari jelas jika Rang Undang-Undang Anggota Persendirian. (<i>Lihat juga Hari Jelas</i>)</p> <p>Rang Undang-Undang boleh dibahagikan kepada Rang Undang-Undang Awam, Rang Undang-Undang Persendirian dan Rang Undang-Undang Campuran. Rang Undang-Undang menjadi Akta Parlimen setelah diluluskan oleh Parlimen dan menerima persetujuan Presiden. (<i>Lihat juga Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang, Rang Undang-Undang Awam Rang Undang-Undang Campuran, Rang Undang-Undang Persendirian, dan Rang Undang-Undang Mendesak</i>) Peraturan Tetap 66 - 68.</p>
Rang Undang-Undang Awam	<i>Public Bill</i>	Rang Undang-Undang yang mengenai kepentingan umum orang ramai. Kebanyakan perundangan yang diluluskan oleh Dewan adalah Rang Undang-Undang awam.
Rang Undang-Undang Campuran	<i>Hybrid Bill</i>	Rang Undang-Undang awam yang menjejaskan hak atau kepentingan individu atau badan korporat tertentu. Selepas Bacaan Kedua, Rang Undang-Undang sedemikian akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan yang akan mendengar petisyen daripada pihak-pihak yang terjejas. (<i>Lihat juga Rang Undang-Undang Pemerintah dan Rang Undang-Undang Persendirian</i>) Peraturan Tetap 68.
Rang Undang-Undang Mendesak	<i>Urgent Bill</i>	Rang Undang-Undang yang dianggap mendesak boleh menjalani ketiga-tiga peringkat bacaan dalam sidang yang sama. Sijil urusan mendesak yang ditandatangani oleh Presiden harus disertakan bersama dengan Rang Undang-Undang itu. Peraturan Tetap 86.
Rang Undang-Undang Pemerintah	<i>Government Bill</i>	Rang Undang-Undang yang dimulakan oleh Pemerintah. Biasanya dibentangkan bagi pihak Pemerintah oleh seorang Menteri atau Menteri Negara. (<i>Lihat juga Rang Undang-Undang Campuran dan Rang Undang-Undang Persendirian</i>) Peraturan Tetap 66 dan 67.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Rang Undang-Undang Perbekalan	<i>Supply Bill</i>	<p>Di akhir sidang untuk menimbangkan Belanjawan tahunan, Dewan meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan. Undang-undang itu mengawal jumlah wang, yang dikeluarkan daripada Dana Disatukan dan Dana Pembangunan, yang boleh digunakan oleh Pemerintah pada tahun kewangan berikutnya. Rang itu juga menetapkan untuk tujuan apa wang itu boleh digunakan. Jika lebih banyak wang diperlukan pada tahun kewangan berkenaan, Pemerintah harus mendapatkan kelulusan Parlimen melalui satu atau lebih Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan atau Rang Undang-Undang Perbekalan Akhir.</p> <p><i>(Lihat juga Belanjawan dan Anggaran Tambahan)</i></p>
Rang Undang-Undang Persendirian	<i>Private Bill</i>	<p>Rang Undang-Undang yang menganjurkan kepentingan orang, pertubuhan atau badan korporat tertentu. Pemberitahuan hendaklah diberikan dengan menyiarkan Rang Undang-Undang itu dalam Warta Pemerintah tidak kurang daripada tiga kali berturut-turut, kemudian barulah Anggota boleh meminta izin Dewan untuk membentangkannya. Rang itu harus mengandungi fasal yang memelihara hak Presiden, negara dan semua pihak lain, kecuali yang dinyatakan di dalamnya.</p> <p>Setelah Bacaan Kedua, Rang Undang-Undang itu harus dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan, yang akan mendengar pandangan mana-mana pihak terjejas yang telah mengemukakan petisyen kepada Parlimen tentang Rang itu. Langkah ini adalah demi memastikan Rang Undang-Undang itu tidak menjejaskan hak atau kepentingan persendirian, kecuali jika ada alasan untuknya.</p> <p>Semua perbelanjaan bagi mencetak dan menerbitkan Rang Undang-Undang itu ditanggung oleh mereka yang menganjurkannya</p> <p><i>(Lihat juga Rang Undang-Undang Pemerintah)</i> <i>Peraturan Tetap 87.</i></p>
Rang Undang-Undang Wang	<i>Money Bill</i>	<p>Rang Undang-Undang yang hanya mengandungi peruntukan yang bersifat kewangan, seperti pelaksanaan atau pengaturan cukai, pelaksanaan atau perubahan caj atas Dana Disatukan atau mana-mana dana awam, pemberian bantuan wang kepada Pemerintah, pengasingan dan pelaburan wang awam, dan pengumpulan atau jaminan bagi apa-apa pinjaman. Rang Undang-Undang Wang tidak diserahkan kepada Majlis Presiden bagi Hak Kaum Minoriti untuk ditinjau.</p> <p><i>(Lihat juga Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i> <i>Perkara 68 dan 78 Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Representasi	<i>Representations</i>	Pandangan yang dikemukakan oleh orang ramai kepada Jawatankuasa Pilihan, biasanya tentang Rang Undang-Undang atau perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa itu. <i>(Lihat juga Prosedur Meluluskan Rang Undang-Undang)</i>
Seksyen	<i>Section</i>	Setelah Rang Undang-Undang diluluskan oleh Parlimen dan disetujui oleh Presiden, setiap fasal dalam Rang Undang-Undang itu menjadi seksyen dalam Akta Parlimen. <i>(Lihat juga Perkara dan Fasal)</i>
Setiausaha Dewan Parlimen	<i>Clerk of Parliament</i>	Setiausaha Dewan Parlimen ² dilantik oleh Presiden setelah berunding dengan Speaker dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Setiausaha menasihati Speaker dan Anggota Parlimen tentang persoalan amalan dan prosedur Parlimen. Beliau juga membacakan urusan mesyuarat Parlimen semasa sidang. Beliau duduk di Meja Setiausaha di bawah Kerusi Speaker. Setiausaha dibantu oleh Penolong Setiausaha Dewan Parlimen. Pejabat Setiausaha juga bertanggungjawab bagi pentadbiran aktiviti Parlimen dan urus setianya setiap hari. <i>Perkara 51 Perlembagaan Republik Singapura</i>
Setiausaha Parlimen	<i>Parliamentary Secretary</i>	Setiausaha Parlimen di sebuah kementerian boleh dilantik daripada kalangan Anggota Parlimen untuk membantu Menteri dalam menjalankan tugas dan fungsi mereka. <i>(Lihat juga Menteri dan Menteri Negara)</i> <i>Perkara 31 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Setiausaha Tetap	<i>Permanent Secretary</i>	Setiausaha Tetap adalah pegawai perkhidmatan awam yang dilantik oleh Presiden untuk mengetuai kementerian. Beliau bertanggungjawab atas pelaksanaan dasar dan program kementerian, di bawah arahan dan kawalan umum Menteri yang bertanggungjawab. <i>Perkara 34 Perlembagaan Republik Singapura.</i>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Sidang Istimewa	<i>Special Sitting</i>	Atas sebab kepentingan umum, Ketua Dewan boleh meminta Speaker mengarahkan Dewan bersidang pada tarikh lebih awal daripada yang dijadualkan sebelumnya. Jika Speaker puas hati bahawa kepentingan umum memang memerlukan Parlimen bersidang lebih awal daripada yang dijadualkan, beliau akan mengeluarkan pemberitahuan tentang sidang istimewa itu. Urusan yang diaturkan bagi sidang istimewa itu hendaklah ditentukan oleh Ketua Dewan. Di akhir sidang istimewa, Parlimen ditangguhkan hingga tarikh yang asalnya dijadualkan, kecuali diputuskan selainnya. <i>Peraturan Tetap 5.</i>
Sidang Parlimen	<i>Sittings of Parliament</i>	Kata “ <i>sitting</i> ” atau sidang bererti mesyuarat Dewan. Dewan biasanya bersidang pada hari biasa yang bukan hari cuti umum. Bagaimanapun, Parlimen boleh meluluskan ketetapan untuk bersidang pada hujung minggu atau hari cuti umum. Sidang bermula dan berakhir pada waktu yang ditetapkan dalam Peraturan Tetap, kecuali waktu itu diubah dengan pemberitahuan Speaker atau melalui ketetapan Dewan. ²⁶ <i>(Lihat juga Urusan yang Dikecualikan dan Waktu Gangguan)</i> <i>Perkara 2 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 2.</i> ²⁶ Di bawah Peraturan Tetap, sidang bermula pada 1.30 petang [Peraturan Tetap 2(3)] dan waktu gangguan adalah pada 7.00 malam [Peraturan Tetap 2(5)(a)].
Soal Penjelasan	<i>Point of Clarification</i>	Anggota boleh mencelah sebentar ucapan Anggota lain untuk mendapatkan penjelasan, dengan syarat Anggota yang berucap itu sedia beralah dan mengizinkan penjelasan diberikan. Anggota juga boleh menjelaskan bahagian tertentu daripada ucapannya yang disalahertikan atau disalahtafsirkan. <i>Peraturan Tetap 48(4), 49(4) dan 51.</i>
Soal Peraturan	<i>Point of Order</i>	Semasa sidang, mana-mana Anggota boleh membawa perhatian Speaker dengan segera kepada sesuatu pelanggaran tata tertib atau peraturan Dewan. Dalam hal sedemikian, Anggota berhak untuk mencelah prosiding dengan bangun dan berkata, “Atas perkara peraturan, Tuan Speaker” dan secara ringkas menyatakan perkara peraturan tersebut. Anggota itu tidak dibenarkan membuat ucapan. <i>Peraturan Tetap 51.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Soalan	<i>Question</i>	<p>Perkara yang hendak ditentukan oleh Parlimen atau Jawatankuasa. Pada umumnya, soalan timbul daripada sesuatu usul dan susunan katanya sama seperti kandungan usul itu.²⁰ Soalan tidak boleh dibahaskan selagi belum dicadangkan oleh Pengerusi, ertinya selagi belum dikemukakan kepada Parlimen oleh Speaker atau kepada Jawatankuasa oleh Pengerusi. Perbahasan bermula apabila soalan dicadangkan dan di akhir perbahasan, soalan itu dikemukakan lagi supaya pengundian dapat dijalankan.</p> <p><i>(Lihat juga Pengerusi, Perbahasan dan Mengemukakan Soalan)</i></p> <p>Soalan juga bererti pertanyaan yang ditujukan kepada Menteri atau Anggota lain, sama ada secara lisan pada Masa Soalan atau secara bertulis.</p> <p><i>(Lihat juga Masa Soalan dan Soalan untuk Dijawab secara Lisan/Bertulis)</i></p> <p>²⁰ Peraturan Tetap memperuntukkan beberapa kekecualian lazim.</p>
Soalan untuk Dijawab secara Lisan/Bertulis	<i>Question for Oral/Written Answer</i>	<p>Oleh kerana Pemerintah bertanggungjawab kepada Parlimen, Anggota boleh mengajukan soalan kepada mana-mana Menteri tentang apa jua perkara di bawah tanggung jawab Menteri itu. Soalan juga boleh dikemukakan kepada Anggota lain berhubung dengan Rang Undang-Undang, usul, atau perkara awam lain sehubungan dengan urusan Parlimen yang menjadi tanggung jawab Anggota itu. Setiap soalan harus didahului dengan pemberitahuan tidak kurang daripada tujuh hari jelas. Seorang Anggota boleh mendaftarkan hingga lima soalan, dan daripada jumlah itu, tidak lebih daripada tiga soalan haruslah diajukan untuk tujuan jawapan secara lisan. Dalam Masa Soalan, Menteri berkenaan akan mengucapkan penjelasan bagi soalan untuk dijawab secara lisan. Setelah itu, mana-mana Anggota boleh mengajukan soalan tambahan. Jawapan bagi soalan untuk jawapan bertulis harus diedarkan kepada Anggota dan diterbitkan dalam Laporan Rasmi.</p> <p><i>(Lihat juga Masa Soalan)</i></p> <p><i>Peraturan Tetap 19-22.</i></p>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Speaker	<i>Speaker</i>	<p>Speaker adalah pegawai pengerusi sidang Parlimen. Beliau dipilih oleh Dewan pada permulaan setiap Parlimen yang baru. Speaker boleh dilantik dari kalangan bukan Anggota Parlimen atau dari kalangan Anggota yang bukan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Jika bukan Anggota Parlimen, sekurang-kurangnya beliau mestilah layak di bawah Perlembagaan untuk bertanding sebagai Anggota Parlimen.</p> <p>Speaker mengawal perbahasan dalam Dewan dan menguatkuasakan peraturan yang mengatur perbahasan. Beliau memanggil Anggota untuk berucap (<i>Lihat Menarik Perhatian Speaker</i>). Beliau mencadangkan soalan untuk dibahaskan oleh Dewan dan mengemukakan soalan untuk pengundian oleh Dewan. Speaker adalah penjaga hak istimewa Parlimen. Anggota mengharapkan bimbingannya tentang persoalan amalan dan prosedur dan beliau memutuskan perkara peraturan dan membuat keputusan bila perlu.</p> <p>Speaker menduduki Kerusinya apabila mempengerusikan sidang Dewan, dan turun mengambil tempat duduk paling kanan di Meja Setiausaha apabila mempengerusikan Jawatankuasa seluruh Dewan. Beliau tidak ikut serta perbahasan dalam Dewan atau Jawatankuasa, tetapi boleh menggunakan hak untuk berkecuali atau mengundi menyokong atau menentang sesuatu usul. Namun, jika dipilih dari kalangan bukan Anggota, beliau tidak boleh mengundi. Speaker tidak memegang undi pemutus. Beliau memegang jawatan sejak dipilih oleh Parlimen hingga sidang pertama Parlimen yang baru. (<i>Lihat juga Parlimen dan Kerusi Speaker</i>) <i>Perkara 40 dan 42 Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>
Statut	<i>Statute</i>	Kata ini berasal daripada perkataan Latin <i>statutum</i> , yang bermaksud “telah diputuskan”. Statut bererti Akta Parlimen.
Sub Judice	<i>Sub Judice</i>	<i>Sub judice</i> bererti masih dalam pertimbangan atau menunggu keputusan mahkamah. Kecuali dalam menimbang Rancangan Undang-Undang, perkara yang <i>sub judice</i> tidak boleh diperkatakan di Parlimen. <i>Peraturan Tetap 21 dan 50.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Sumpah/Pengakuan Taat Setia	<i>Oath/Affirmation of Allegiance</i>	Perisytiharan taat setia kepada negara. Setelah dipilih atau dilantik, Anggota Parlimen dipelawa oleh Speaker untuk mengangkat sumpah / memberi pengakuan taat semasa sidang. Sumpah / pengakuan taat setia dilaksanakan oleh Setiausaha Dewan Parlimen, dan Anggota harus menandatangani borang sumpah / pengakuan. Selagi belum mengangkat sumpah / memberi pengakuan, Anggota tidak boleh turut serta dalam prosiding Parlimen, kecuali prosiding yang berkaitan dengan pemilihan Speaker. <i>Perkara 61 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 13.</i>
Susunan Urusan Mesyuarat	<i>Order of Business</i>	Urutan yang ditetapkan bagi agenda Dewan. Parlimen boleh memutuskan untuk terus menjalankan sesuatu urusan tertentu tanpa mematuhi gilirannya. <i>Peraturan Tetap 10.</i>
Syor Presiden	<i>President's Recommendation</i>	Anggota yang bertanggungjawab bagi Rang Undang-Undang atau pindaan Rang Undang-Undang tertentu mesti menyatakan bahawa syor Presiden telah diberikan, sebelum membentangkan Rang itu di Parlimen. Contoh Rang atau pindaan sedemikian ialah yang melibatkan Pemerintah meminjam wang atau memberi jaminan, serta langkah menjaga, mengenakan wang pembayaran, membayar wang atau menerima wang atas akaun Dana Disatukan. <i>Perkara 59 Perlembagaan Republik Singapura dan Peraturan Tetap 67.</i>
Tahun Kewangan	<i>Financial Year</i>	Tahun kewangan bagi Pemerintah berlangsung dari 1hb April pada satu tahun kalendar hingga 31hb Mac tahun berikutnya. Tahun kewangan juga dikenali sebagai tahun fiskal. <i>Perkara 142 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Tajuk Pendek	<i>Short Title</i>	<i>(Lihat Tajuk Rang Undang-Undang)</i>
Tajuk Perbelanjaan	<i>Head of Expenditure</i>	Anggaran perbelanjaan utama dan pembangunan bagi badan berkanun dan kementerian dikemukakan sebagai tajuk-tajuk perbelanjaan dalam Buku Belanjawan. Tajuk perbelanjaan yang berasingan juga disediakan bagi Peruntukan Presiden, Hutang Negara dan Pindahan Wang. Belanjawan diluluskan oleh Parlimen dengan meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi anggaran setiap tajuk perbelanjaan tersebut. <i>(Lihat juga Buku Belanjawan, Peruntukan Presiden, Anggaran Perbelanjaan dan Rang Undang-Undang Perbekalan)</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Tajuk Rang Undang-Undang	<i>Titles of a Bill</i>	Setiap Rang Undang-Undang mempunyai tajuk pendek dan tajuk panjang. Biasanya, Rang Undang-Undang disebut dengan tajuk pendek, misalnya, “Rang Undang-Undang Parlimen (Hak Istimewa, Kekebalan dan Kuasa)”. Tajuk pendek dibacakan oleh Setiausaha di Meja Mesyuarat pada setiap bacaan. Tajuk panjang adalah pernyataan tujuan atau matlamat Rang itu, misalnya, “Akta untuk mengisytiharkan dan mentakrifkan hak istimewa, kekebalan dan kuasa Parlimen dan Speaker, Anggota dan jawatankuasanya, untuk mengawal kelakuan Anggota dan orang-orang lain sehubungan dengan sidangannya, untuk memberi perlindungan kepada mereka yang diambil bekerja menerbitkan laporan dan kertas-kertas Parlimen yang lainnya dan bagi tujuan sampingan atau sehubungan dengan perkara yang tersebut di atas.” <i>Peraturan Tetap 67(2).</i>
Tanggungjawab Menteri	<i>Ministerial Responsibility</i>	Setiap Menteri bertanggungjawab kepada Parlimen bagi dasar, program dan kerja kementerian masing-masing. Selain itu, para Menteri secara kolektif bertanggungjawab bagi setiap kenyataan dasar awam oleh Pemerintah. <i>Perkara 24 Perlembagaan Singapura.</i>
Tempoh Jawatan	<i>Tenure of Office</i>	Anggota yang dipilih, termasuk Anggota Tanpa Kawasan Undi, tetap menduduki kerusi sehingga pembubaran Parlimen. Anggota Parlimen Terlantik dilantik bagi tempoh tertentu selama dua tahun setengah atau sehingga pembubaran Parlimen, mana yang lebih dahulu. ²⁸ <i>(Lihat juga Pembubaran Parlimen)</i> <i>Perkara 46 dan Jadual Keempat Perlembagaan Republik Singapura</i> ²⁸ Kerusi Anggota boleh menjadi kosong dalam keadaan tertentu, contohnya jika dia tidak lagi menjadi rakyat Singapura, dipecat atau meletakkan jawatan daripada parti politik yang menandingkannya semasa pilihan raya, hilang kelayakan kerana sesuatu peruntukan dalam Perlembagaan atau dipecat daripada Parlimen atas kuasa pemecatannya.
Tertib di dalam Dewan	<i>Order in the House</i>	Perbuatan atau kelakuan yang tertib dalam mesyuarat Dewan atau Jawatankuasa. Tata tertib dijaga oleh Pengerusi. Anggota yang kelakuannya sangat tidak tertib boleh diperintahkan oleh Speaker atau Pengerusi supaya beredar dengan serta merta dari Parlimen hingga selesai sidang hari itu. Sebagai alternatif, dia boleh dinamakan oleh Speaker atau Pengerusi. <i>(Lihat juga Menamakan Anggota)</i> <i>Peraturan Tetap 58 dan 59.</i>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

“Tertib, tertib”	“ <i>Order, order</i> ”	Frasa yang digunakan oleh Speaker atau Pengerusi (<i>dalam Jawatankuasa</i>) di permulaan atau di akhir sidang untuk meminta Dewan supaya tertib. Frasa ini juga digunakan untuk menenteramkan Dewan apabila berlaku perbuatan tidak tertib dan untuk menarik perhatian Parlimen terhadap sesuatu pelanggaran peraturan.
Timbalan Speaker	<i>Deputy Speaker</i>	Timbalan Speaker memangku jawatan Speaker semasa ketiadaannya. Hingga dua orang Timbalan Speaker boleh dilantik. <i>Perkara 42 Perlembagaan Republik Singapura.</i>
Tingkah Laku Kurang Tertib	<i>Disorderly Conduct</i>	<i>(Lihat Tertib Di Dalam Dewan)</i>
Ucapan Terima Kasih	<i>Address of Thanks</i>	Selepas sidang Pembukaan Parlimen, usul akan dibentangkan untuk meluluskan Ucapan Terima Kasih Parlimen kepada Presiden atas amanat yang disampaikan semasa acara Pembukaan itu. Perbahasan atas usul ini dibatasi kepada dasar Pemerintah yang dilakarkan dalam amanat tersebut. Lima hari diperuntukkan bagi perbahasan ini. <i>(Lihat juga Amanat Presiden)</i> <i>Peraturan Tetap 15.</i>
Undi Tidak Yakin	<i>Vote of No Confidence</i>	Usul boleh diajukan oleh mana-mana Anggota, biasanya dari pihak Pembangkang, untuk mendapatkan undi tidak yakin terhadap Pemerintah. ³¹ Jika diluluskan oleh majoriti Anggota dipilih yang hadir, undi tidak yakin bererti Pemerintah tidak lagi mendapat sokongan Parlimen dan Perdana Menteri mungkin harus meletakkan jawatan. Presiden seterusnya boleh melantik Perdana Menteri yang baru untuk membentuk Pemerintah atau membubarkan Parlimen supaya pilihan raya umum dapat diadakan. <i>(Lihat juga Undi Yakin)</i> <i>Perkara 39 Perlembagaan Republik Singapura.</i> ³¹ Usul bagi undi tidak yakin pernah dikemukakan oleh pihak Pembangkang pada 15 Jun 1963. Usul tersebut dikalahkan.

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Undi Yakin	<i>Vote of Confidence</i>	<p>Pemerintah boleh mengajukan usul untuk mendapatkan undi yakin daripada Dewan. Pemerintah boleh mengambil langkah sedemikian semasa krisis untuk memperoleh penyataan sokongan yang jelas daripada Parlimen bagi meneruskan mandatnya.³⁰ Usul tersebut hanya boleh diluluskan dengan sokongan majoriti para Anggota dipilih yang hadir. Jika Pemerintah kalah dalam usul tersebut, Perdana Menteri mungkin harus meletakkan jawatan.</p> <p><i>(Lihat juga Undi Tidak Yakin)</i> <i>Perkara 39 Perlembagaan Republik Singapura.</i></p> <p>³⁰ Usul bagi undi yakin pernah dikemukakan oleh Pemerintah pada 20 Julai 1961. Usul tersebut disetujui dengan 27 menyokong, 8 menentang, dan 16 berkecuali.</p>
Undi; Keputusan	<i>Vote</i>	<p>Penyataan rasmi oleh Anggota yang mengungkapkan kehendak atau pendapatnya berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Pengerusi.</p> <p><i>(Lihat juga Pemungutan Suara dan Pengundian).</i></p>
Urusan Mesyuarat	<i>Order of the Day</i>	<p>Rang Undang-Undang atau perkara lain yang diperintahkan oleh Parlimen untuk dibincangkan pada hari tertentu. Urusan Mesyuarat boleh merupakan urusan baru yang ditetapkan buat hari berkenaan atau perbahasan yang ditangguhkan hingga hari berkenaan.</p> <p><i>Peraturan Tetap 26.</i></p>
Urusan Perbekalan	<i>Business of Supply</i>	<p>Urusan Perbekalan meliputi perbahasan tentang anggaran perbelanjaan utama, pembangunan dan tambahan, Rang Undang-Undang Perbekalan dan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan, peruntukan akaun dan apa-apa penyata wang berlebihan, serta pertimbangan atas laporan Jawatankuasa Akaun Negara dan Jawatankuasa Anggaran.</p> <p><i>(Lihat juga Jawatankuasa Perbekalan dan Rang Undang-Undang Perbekalan)</i> <i>Peraturan Tetap 91 – 98 dan Perkara 142 – 148 Perlembagaan Republik Singapura.</i></p>

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

<p>Urusan yang Dikecualikan</p>	<p><i>Exempted Business</i></p>	<p>Urusan yang dikecualikan daripada Waktu Gangguan⁴. Pada umumnya, sidang berakhir apabila tiba Waktu Gangguan, kecuali lain ditentukan dalam Peraturan Tetap atau melalui ketetapan Dewan. Sidang harus ditangguhkan dan semua urusan yang tertunggak harus ditunda hingga hari sidang yang berikutnya, kecuali ditetapkan hari yang tertentu.</p> <p>Jika sidang mahu diteruskan melepasi waktu gangguan, Dewan harus mengecualikan urusan yang sedang dibincangkan daripada kuat kuasa waktu itu. Pengecualian boleh diberikan hingga waktu tertentu, misalnya jam 10.00 malam, atau bagi jangka masa yang tidak ditetapkan. Hanya satu urusan boleh dikecualikan dalam satu sidang.</p> <p><i>(Lihat juga Waktu Gangguan) Peraturan Tetap 4.</i></p> <p>⁴ Di bawah Peraturan Tetap 2(5), waktu gangguan adalah pada pukul 7.00 malam.</p>
<p>Usul</p>	<p><i>Motion</i></p>	<p>Usul bagi Dewan untuk melakukan sesuatu, memerintahkan sesuatu dilakukan, atau menyatakan pendapat tentang sesuatu perkara. Semua soalan yang dibentangkan untuk keputusan Parlimen atau Jawatankuasa bermula daripada satu usul. Sebelum usul dibentangkan di Parlimen, pemberitahuan harus diberikan sekurang-kurangnya dua hari jelas jika usul atas nama Menteri, dan tujuh hari jelas jika usul atas nama Anggota persendirian. Sokongan oleh sekurang-kurangnya seorang lagi Anggota harus dinyatakan bagi usul Anggota persendirian.</p> <p>Usul diajukan oleh Anggota yang bertanggungjawab, yang menyampaikan ucapan pembukaan bagi menerangkan rasional dan tujuan di sebalik usul itu. Perbahasan dibuka tentang usul itu setelah Speaker mengemukakan susunan kata-katanya dalam bentuk soalan. Di akhir perbahasan, selepas jawapan oleh Anggota yang bertanggungjawab, soalan itu dikemukakan kepada Dewan untuk diputuskan.</p> <p>Usul boleh disetujui tanpa pindaan atau dengan pindaan (yang dengan sendirinya pula memerlukan usul yang berasingan) atau ditolak.</p> <p><i>(Lihat juga Perbahasan, Hak Menjawab, Usul Subsidiari dan Usul Substantif) Peraturan Tetap 33-45.</i></p>

GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)

As at 3 May 2010

Usul (Undi) Yakin/Tidak Yakin	<i>Motion of Confidence/No Confidence</i>	(Lihat Undi Yakin dan Undi Tidak Yakin)
Usul Melaporkan Kemajuan Perbahasan	<i>Progress, Motion to Report</i>	Dalam Jawatankuasa seluruh Parlimen, seorang Anggota boleh mengajukan usul untuk melaporkan kemajuan perbahasan dan meminta izin untuk Dewan bersidang lagi. Usul ini dibuat untuk menangguhkan perbahasan ke waktu atau hari sidang yang lain. <i>Peraturan Tetap 27.</i>
Usul Subsidiari	<i>Subsidiary Motion</i>	Usul yang bergantung kepada usul substantif atau sehubungan dengannya, atau yang bersifat prosedur. Usul subsidiari tidak memerlukan pemberitahuan, tidak seperti usul substantif. Pengusul bagi usul subsidiari tidak ada hak menjawab. <i>(Lihat juga Usul Substantif)</i>
Usul Substantif	<i>Substantive Motion</i>	Cadangan serba lengkap yang dirumuskan sebegitu rupa hingga berupaya mengungkapkan keputusan atau pendapat Dewan. Pada umumnya, usul substantif memerlukan pemberitahuan. Pengusul bagi usul substantif mempunyai hak menjawab. <i>(Lihat juga Usul Subsidiari)</i>
Waktu Gangguan	<i>Moment of Interruption</i>	Waktu yang ditetapkan dalam Peraturan Tetap untuk tamatnya sidang pada sesuatu hari. ¹⁴ Pada waktu gangguan, apa jua urusan yang sedang berlangsung, kecuali urusan yang dikecualikan, akan dihentikan dan ditangguhkan ke hari sidang yang akan datang atau ke tarikh yang dinyatakan oleh Anggota yang bertanggungjawab bagi urusan berkenaan. Semua perkara yang tertunggak dalam Kertas Urusan Mesyuarat pada waktu itu turut ditunda. Jika Dewan sedang bersidang dalam Jawatankuasa pada waktu itu, Pengerusi meninggalkan Kerusinya dan Anggota yang bertanggungjawab bagi urusan berkenaan melaporkan kepada Parlimen, “bahawa Jawatankuasa telah mencapai kemajuan tentang perkara ini dan minta izin untuk bersidang lagi.” <i>(Lihat juga Urusan yang Dikecualikan)</i> <i>Peraturan Tetap 1.</i>
Warta Pemerintah	<i>Government Gazette</i>	Penerbitan rasmi yang mengumumkan semua pemberitahuan Pemerintah, termasuk tarikh pelaksanaan setiap Akta Parlimen. Apabila pemberitahuan sudah diterbitkan dalam warta, orang ramai dianggap sudah mengetahuinya.

¹⁴Di bawah Peraturan Tetap 2(5), waktu gangguan ialah pada pukul 7.00 malam.

**GLOSARI ISTILAH PARLIMEN SINGAPURA
(Melayu-Inggeris)**

As at 3 May 2010

Westminster	<i>Westminster</i>	Istana Westminster di London adalah rumah Dewan-Dewan Parlimen (<i>Dewan Rakyat</i> dan <i>Dewan Pertuanan</i>) UK. Kata Westminster juga digunakan untuk memerihalkan bentuk pemerintahan berparlimen berdasarkan sistem UK, misalnya, “Pemerintahan berbentuk Westminster”.
Whip	<i>Whip</i>	<p>Pengurus parti dalam Parlimen yang bertanggungjawab mengaturkan penyertaan para Anggota dari partinya dalam perbahasan dan pengundian.³² Whip Pemerintah dan Whip Pembangkang mempunyai fungsi yang sama. Tugas mereka yang paling penting ialah menghimpunkan para Anggota di pihak masing-masing dan memastikan mereka menyokong pendirian parti semasa pengundian. Istilah <i>lifting the whip</i> (menarik balik whip) digunakan apabila parti membenarkan Anggotanya sendiri di Parlimen mengundi mengikut pegangan nurani masing-masing.³³</p> <p>³² Istilah ini berasal daripada sukan memburu musang yang digemari kaum bangsawan Inggeris pada kurun ke-18 dahulu. Seorang pembantu pemburu yang digelar “<i>whipper-in</i>” bertugas mengawal anjing-anjing pemburu supaya tidak terkeluar dari kawanan.</p> <p>³³ Di Dewan Rakyat UK, istilah whip satu-baris, dua-baris dan tiga-baris digunakan untuk menandakan takat pentingnya sesuatu isu. Contohnya, jika perbahasan ditandakan whip tiga-baris, Anggota dilarang daripada tidak menghadiri sidang.</p>